

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2022

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN**

---

**KETUA PTJ :**

MOHD AFANDI BIN MAT RANI

**KETUA UNIT KUALITI :**

SITI FATAHIYAH BT. MAHAMOOD

**PENYELARAS :**

MOHAMAD KHAIRUL IZWAN BIN RIFIN

**PENULIS :**

1. MUHAMAD AFIQ BIN ABD RAZAK
2. NUR FARHANI BINTI ZARMANI
3. NURULAINA BINTI SAIDIN
4. SITI SARAH BINTI IZHAM
5. ZULAIPA BINTI RUZULAN
6. KHAIRUL ANUWAR BIN MUSTAFFA
7. FARRAH PAYYADHAH BINTI BORHAN

8. NUR HAFIZAH BINTI HARUN
9. NADIAH BINTI RAMLAN
10. ANIS HAMIZAH BINTI HAMID
11. NURUL'AIN BINTI MOHD
12. SITI NOR AMIRA BINTI MOHAMAD
13. NURUL HASANAH BINTI TAMILI
14. SUMAIYAH BINTI BAHRI
15. ZAINUR NADIYAH BINTI BAHARUDIN
16. NOOR AZNAIM BINTI ABD LATIB
17. FADZIANI BINTI YAAKUB
18. SHOFIYYAH BINTI MOIDIN
19. MOHD YUSRA BIN ABDULLAH
20. NURFARADILLA BINTI HARON
21. SITI FATAHIYAH BT. MAHAMOOD
22. MOHD SOLAHUDDIN BIN SHAHRUDDIN
23. IKMAL HAFIZ BIN JAMAL
24. AISHAH BINTI AZLAN
25. MUHAMMAD NAJIB BIN ABD WAKIL
26. SITI KHURSHIAH BINTI MOHD MANSOR
27. FATIN NABILAH BINTI ABDUL WAHID
28. HANIFAH BINTI MUSA FATHULLAH HARUN
29. MOHAMAD KHAIRUL IZWAN BIN RIFIN
30. MUHAMMAD KHALID BIN ABDULLAH
31. ADAM ASRAF BIN HAIRUL ANUAR
32. SAIDATUL AKMAR BINTI SAID
33. NURBAIZURA EDAYU BINTI MOHD ANNUAR
34. HAMIZAH BINTI ABDUL AZIZ
35. SHARIFAH ANOM BINTI OMAR
36. MOHD NOR BIN MAMAT

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) ditubuhkan secara rasmi pada 21 Mei 2013 hasil daripada penstrukturan semula Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Pusat pentadbiran utama ACIS bertempat di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, manakala pejabat akademik dan bilik kuliah terletak di Bangunan Cempaka 5 dan Cempaka 4. Pentadbiran ACIS diketuai oleh Dekan dan dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (HEA), Timbalan Dekan Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran). Bermula pada Ogos 2019, berlaku pemisahan entiti di mana Bahagian Zakat, Sedekah & Waqaf dan Bahagian Hal Ehwal Islam diletakkan di bawah Pejabat Naib Canselor. Manakala, pada 15 Disember 2019, berlaku pertukaran pucuk pimpinan tertinggi ACIS daripada Prof Dr Muhamad Rahimi Osman kepada Prof Madya Dr Nurhidayah Muhammad Hashim sebagai Dekan ACIS.

Kepimpinan Kanan ACIS melaksanakan kaedah mantap bagi memastikan pentadbiran dan pengurusan ACIS menitikberatkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang berkesan. Segala keputusan pengurusan ditentukan secara kolektif melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Kepimpinan ACIS juga diperkuatkan dengan sokongan staf akademik dan pentadbiran. Pelaksanaan sistem 5P Holistik ACIS iaitu perancangan, pelaksanaan, pengukuran, pencapaian dan pemantauan. (Rujuk Lampiran 1.1.1 Bukti 1).

Kepimpinan Kanan sentiasa berkomunikasi dengan staf melalui mesyuarat, perhimpunan jabatan, pekeliling, surat, memo, emel juga Google Classroom. Bagi meningkatkan kecemerlangan prestasi perkhidmatan staf, kepimpinan kanan sentiasa memberi bimbingan, dorongan, sokongan dan penghargaan. Staf yang cemerlang akan dianugerahkan dengan surat penghargaan atas sumbangan masa dan tenaga demi kemajuan ACIS. Malah kebajikan staf, diberi perhatian dengan menyediakan sumbangan kebajikan melalui Badan Kebajikan ACIS.

Kepimpinan kanan sentiasa prihatin terhadap perkembangan dan keperluan organisasi dari aspek prasarana dan kemudahan staf serta pelajar. Usaha menaiktaraf Bangunan Cempaka 4 dan Cempaka 5 yang melibatkan pejabat pentadbiran akademik, bilik pensyarah, bilik ICT, bilik mesyuarat, bilik pasca siswazah dan bilik kuliah yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang kondusif seperti hawa dingin serta kemudahan teknologi terkini sebagai usaha dalam menjaga kebajikan staf ACIS dan pelajar. Kepimpinan Kanan juga peka terhadap setiap aduan.

Bagi menambahbaik perkhidmatan dalam kalangan staf dan pelajar, kepimpinan kanan menyediakan ruang maklumbalas dan aduan bagi mempertingkatkan hubungan dua hala. Setiap aduan dianalisa dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS melalui elemen tenaga kerja, sama ada pada segmen akademik atau tenaga kerja pentadbiran. Kajian *UiTM Happiness Index* (UHI) yang disediakan turut diambil kira untuk tujuan penambahbaikan dan perbandingan dengan organisasi lain dalam UiTM.

Kepimpinan kanan ACIS sentiasa menggalakkan penghayatan sahsiah mulia, beretika dan mematuhi peraturan, prosedur serta undang-undang universiti kepada semua staf dan pelajar ACIS. Galakan ini bertujuan memupuk persekitaran kerja dan belajar yang mempunyai nilai murni dan mengikut perundangan universiti. Antara perkara yang sentiasa ditekankan ialah pematuhan kepada integriti, Akta 605 (Tatatertib dan Surcaj), keberadaan serta peraturan Clock in/out juga Akta 174. Penyampaian ini diberikan dalam Perhimpunan Bulanan, Program Integriti, Mesyuarat Staf Akademik, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pentadbiran serta mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di ACIS.

## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

### **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Fokus ACIS untuk menjadi sebuah akademi tersohor dan pusat rujukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pengajian Islam kontemporari serta pusat perkhidmatan Islam yang efisien. Kepimpinan Kanan ACIS menyusun perancangan strategik dalam mewujudkan jaringan industri bagi memantapkan peranan ACIS serta membantu memenuhi kehendak industri dan pihak berkepentingan (Rujuk 1.2.1: Buku Korporat).

Kepimpinan kanan ACIS menggunakan kaedah yang sistematik dalam mencapai keputusan utama secara telus dan kolektif melalui mesyuarat-mesyuarat utama di ACIS seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Jawatankuasa Akademik fakulti (JAF), Mesyuarat Staf Akademik, mesyuarat Pentadbiran dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Rujuk Rajah 1.2.2).

Bagi memastikan maklumat, keputusan utama dan maklumbalas disampaikan dengan tepat, kepimpinan kanan berkomunikasi secara dua hala dan membina hubungan baik dengan staf. Dasar "top to down" dan "down-to top" diamalkan bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran dapat disampaikan dengan jelas dan telus melalui kaedah komunikasi dua hala (Rujuk Rajah 1.2.3 Komunikasi Dua Hala).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_K01\\_KB02\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran Kepimpinan 1.2.1 BUKU KORPORAT ACIS UITM 2022 1.pdf](#)
2. [F0052\\_K01\\_KB02\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran Kepimpinan 1.2.2 BUKU KORPORAT ACIS UITM 2022 2.pdf](#)
3. [F0052\\_K01\\_KB02\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran 1.2.3 BUKU KORPORAT ACIS UITM 2022 3.pdf](#)
4. [F0052\\_K01\\_KB02\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran 1.2.4 Carta Organisasi ACIS 2021.pdf](#)
5. [F0052\\_K01\\_KB02\\_20225\\_ACIS\\_Lampiran 1.2.5 Ahli Mesyuarat Utama.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

#### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan ACIS melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dengan meneliti perancangan yang telah ditetapkan oleh CSPI/BTU dengan menfokuskan kepada perancangan ACIS untuk mencapai sasaran (KPI) yang telah ditetapkan. Perbincangan awal diadakan bagi menetapkan pembahagian kumpulan pelaksana/pengurus projek. Kemudian perbincangan secara bulanan diadakan bagi mengenalpasti tahap pencapaian sasaran yang telah dipenuhi. Bagi sasaran yang belum dicapai, maka perbincangan diadakan bagi mencari solusi agar penambahbaikan dilakukan dari masa ke masa agar sasaran dapat dicapai sebelum hujung tahun.

Bagi memperkukuhkan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, ACIS berusaha melibatkan semua staf terutama pensyarah bagi merancang jaringan industri dan MOU/MOA yang berpotensi untuk dilaksanakan. Taklimat berkaitan tugas staf yang terlibat sebagai "Person In Charge" serta KPI aktiviti telah dilakukan oleh Kepimpinan Kanan ACIS bagi memastikan jaringan industri tersebut dapat dilaksanakan dengan sistematik. Keperluan kerjasama ahli bersama ketua yang dilantik untuk melaksanakan aktiviti MOU/ MOA membantu dalam melancarkan perancangan ini.

Bengkel Perancangan Strategik pula dibuat pada awal tahun untuk mengenalpasti target BTU KPI dan jalinan usahasama antara TD dan Koordinator. Struktur organisasi dibentuk di kalangan pensyarah dan pelajar untuk menjalankan setiap program dan inisiatif sepanjang tahun bagi mencapai objektif dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Untuk mencapai setiap BTU, Pengurusan Kanan akan membuat penyelarasan setiap staf dan pelajar yang terlibat di dalam menjayakan program yang khusus untuk setiap PI. Ini kerana setiap PI mempunyai terma yang berlainan di samping setiap pegawai yang terlibat akan memastikan setiap program yang dipohon awal tahun untuk mengelak masalah kelulusan program dan kewangan. Seterusnya, pegawai yang terlibat akan menyerahkan laporan terkini kepada Penyelaras PSTU yang kemudiannya dibentangkan dalam MPE dan MPD. Pemakluman ini juga disampaikan kepada semua staf dalam mesyuarat Akademik, Himpunan Bulanan, Mesyuarat Jabatan KPP bersama staf dan juga turut disampaikan kepada pelanggan berkaitan, pemegang taruh dan juga alumni. Ianya juga disampaikan kepada rakan NGO seperti Syria Care dan Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM) di dalam dan luar negara.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_K01\\_KB03\\_20221\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.3.1 Makluman Pentadbiran 01-2021.pdf](#)
2. [F0052\\_K01\\_KB03\\_20222\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.3.2 PI Achievement Report UiTM 2025 FY2021 - December\\_IC.pdf](#)
3. [F0052\\_K01\\_KB03\\_20223\\_ACIS\\_Kepimpinan\\_Lampiran 1.3.3 UHI 4.0 Tahun 2021 Akademi Pengajian Islam Kontemporari \(ACIS\).pdf](#)
- 4.
- 5.



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan ACIS sentiasa menitikberatkan pemantauan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang berkesan. Setiap bahagian, unit, koordinator dan penyelaras bertanggungjawab merangka, melaksana dan menyediakan laporan aktiviti / program. Di antara mekanisme dan pendekatan pemantauan Kepimpinan ACIS:

1. Mesyuarat Pengurusan Eksekutif
2. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)
3. Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)
4. Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti
5. Mesyuarat Unit
6. Mesyuarat Pentadbir
7. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia
8. Audit Dalaman
9. Audit InQKA
10. Audit MQA
11. Penilaian Prestasi / SKT
12. Mesyuarat Pengurusan HEP
13. Mesyuarat Pembiayaan Program Pelajar
14. Pelaporan program pelajar

Bagi memastikan komitmen pemantauan ini berterusan, jawatankuasa di peringkat ACIS memastikan perilaku beretika dan memastikan pematuhan kepada peraturan UiTM / ACIS.

Antara Jawatankuasa Pemantauan ditubuhkan di ACIS:

- i. Jawatankuasa Integriti: Wakil ACIS dalam program integriti dan memastikan staf patuh kepada peraturan khususnya yang melibatkan integriti
- ii. Jawatankuasa Latihan: memastikan staf ACIS memenuhi 42 jam latihan
- iii. Jawatankuasa Kualiti: Wakil ACIS memastikan staf mematuhi prosedur kualiti pengurusan dan PKO serta melaksanakan audit
- iv. Bahagian Pentadbiran ACIS: memastikan semua staf diwajibkan membuat akujanji, memastikan staf membuat pengisytiharan harta setiap lima tahun, memastikan pematuhan kepada keberadaan dan kad perakam waktu diketik

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20221\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.4.1 JK Tatatertib\\_Akademik STAF DAN PELAJAR.pdf](#)
2. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20222\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.4.2 Pemantauan HEP.pdf](#)
3. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20223\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.4.3 Laporan Audit Dalam.pdf](#)
4. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20224\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.4.1 JK Tatatertib\\_Akademik STAF DAN PELAJAR.pdf](#)
5. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20225\\_ACIS\\_Lampiran 1.4.3.1 Minit MKSP Bil01\\_2021-Final.pdf](#)

## **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Kepimpinan kanan ACIS sangat menitikberatkan berkaitan pengurusan risiko di ACIS. Terdapat jawatankuasa Pengurusan Risiko di ACIS yang bertanggungjawab menguruskan hal ini. Pelan Tindakan Risiko ACIS juga telah dibangunkan. Ianya diwujudkan bagi mengelakkan impak negatif kepada ACIS dalam perancangan dan pelaksanaan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan ACIS.

Aspek ketelusan menjadi satu keperluan dalam memberikan keyakinan kepada pihak berkepentingan terutama dalam aktiviti Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan ACIS. Bagi memastikan tindakan yang diambil berkesan, hubungan erat dan perkongsian maklumat yang lengkap, tepat dan jelas dengan pihak berkepentingan dipraktikkan oleh pimpinan kanan melalui pelaporan dan pembentangan bagi semua aktiviti yang dilaksanakan dalam mesyuarat tertinggi universiti. Kepimpinan Kanan berperanan memaklumkan operasi pengurusan dan perancangan sesuatu projek melalui mesyuarat penyelarasan dengan lembaga governan seperti Mesyuarat Senat, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif dan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP).

Dalam mentadbir urus, pihak berkepentingan yang mempunyai penglibatan dalam Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan akan diberi pertimbangan yang saksama di mana pimpinan kanan mengorak langkah dengan mengenalpasti keperluan pelanggan (pelajar dan staf). Jalinan hubungan dengan pihak berkepentingan dilaksanakan melalui komunikasi dua hala bertujuan mengelakkan percanggahan kepentingan, maklumat tepat dan memastikan maklumbalas diperolehi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20221\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.4.2 Pemantauan HEP.pdf](#)
2. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran 1.4.2.3 Minit MKSP Bil01\\_2021-Final.pdf](#)
3. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20223\\_ACIS\\_Kepimpinan\\_Lampiran 1.3.3 UHI 4.0 Tahun 2021\\_Akademi Pengajian Islam Kontemporari \(ACIS\).pdf](#)
- 4.
- 5.



### 1.4.3 MENGENALPASTI TINDAKAN SUSULAN & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

### 1.4.3 MENGENALPASTI TINDAKAN SUSULAN & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan ACIS sentiasa melakukan semakan pengukuran pencapaian bagi mengenalpasti tindakan susulan. Pengukuran dibuat berdasarkan analisa pencapaian objektif kualiti semasa, keputusan dalam mesyuarat MPE, MKSP dan juga MPD, laporan aduan dan maklum balas pelanggan dan juga laporan Happiness Index ACIS. Oleh itu, fokus kepada tindakan penambahbaikan bagi mencapai objektif organisasi, menambahbaik pencapaian dan mencapai visi organisasi dilaksanakan melalui tindakan seperti: Pencapaian BTU ACIS, Pengukuran dan penambahbaikan ICAN, Piagam Pelanggan ACIS, Objektif Kualiti ACIS dan sistem aduan telegram untuk pelajar.

Kepimpinan Kanan ACIS menekankan akauntabiliti dalam tindakan pengurusan melalui tindakan seperti berikut:

- i. Merangka Perancangan Strategik dan melaksanakannya;
- ii. Memastikan setiap staf mempunyai sasaran dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk dicapai setiap tahun;
- iii. Membuat semakan dan tindakan penambahbaikan terhadap sasaran yang tidak memenuhi KPI; dan
- iv. Memaklumkan dan menyebarkan tanggungjawab perkhidmatan melalui brosur, emel, laman sesawang, taklimat program dan mesyuarat di peringkat jabatan/ACIS.

Analisa dan penambahbaikan ini dijadikan pembelajaran kepada Kepimpinan Kanan dan juga staf ACIS agar perancangan seterusnya dapat dimantapkan dan diperkemaskan lagi. Ianya amat penting bagi memastikan pengukuran dapat dibuat dengan sistematik dan relevan serta pencapaian dapat dihasilkan dengan efektif dan efisien. Ini dapat dibuktikan apabila pencapaian BTU ACIS 2021 adalah meningkat daripada pencapaian BTU ACIS 2020. Begitu juga dengan UiTM Happiness Index (UHI) ACIS yang meningkat daripada UHI 3.0 ACIS.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20221\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.4.3 Laporan Audit Dalam.pdf](#)
2. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20222\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.4.3.2 Peranan Audit Dalam ACIS.pdf](#)
3. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20223\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.4.3.3 Pemantauan HEP.pdf](#)
4. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran 1.4.3.1 Minit MKSP Bil01\\_2021-Final.pdf](#)
5. [F0052\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20225\\_ACIS\\_Lampiran 1.4.3.4 Ahli Mesyuarat Utama.pdf](#)

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kepimpinan kanan ACIS menggerakkan jabatan melalui penumpuan kepada Sistem 5P Holistik ACIS dan perancangan serta pencapaian BTU ACIS yang selari dengan transformasi UiTM 2025. Di samping itu, Kepimpinan Kanan ACIS menggerakkan inisiatif berikut bagi pematapan ACIS agar kekal relevan dan dapat mempertingkatkan kehendak terhadap Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan ACIS dalam aspek

### **Pembangunan Akademik**

- Menawarkan kursus wajib universiti di seluruh peringkat
- Menawarkan program Sarjana dan PhD secara penyelidikan
- Menawarkan program baru Diploma Muamalat, Diploma Pengurusan Halal/Sarjana Muda Muamalat
- Penawaran Program dengan kerjasama Fakulti, contoh : Sarjana Muda Pengurusan Hartanah Islam (ACIS & FSPU), Sarjana Muda Perakaunan Islam (ACIS & Fakulti Perakaunan)

### **Pembangunan Staff**

- Meningkatkan bilangan pemegang PhD
- Meningkatkan bilangan penyelidik dan jumlah penyelidikan
- Meningkatkan jumlah perundingan dan dana.
- Membanyakkan penulisan & penerbitan
- Latihan Staf Akademik

### **Pembangunan Pelajar**

- latihan industri
- program pematapan pelajar
- program keusahawanan
- Pertukaran pelajar dengan universiti luar negara

### **Pembangunan Jaringan Industri & Keusahawanan**

- Mengadakan MOU/MOA dengan industri
- Pemerksaan URUS/PUSKAM /HART dan IkaZ
- Pemerksaan ICAN dan MASMED ACIS

ACIS juga memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf melalui penghargaan dan penganugerahan berdasarkan pencapaian prestasi serta sumbangan kepakaran dalam memperkasakan ACIS dan juga jaringan industri serta keusahawanan di ACIS. ACIS juga memberi insentif kepada mereka yang terlibat dalam penulisan. Ini penting bagi memberi semangat kepada staf untuk terus maju dan manjadi pencetus warga ACIS turut cemerlang pada masa akan datang.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_K01\\_KB05\\_20221\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.5.1 Mesyuarat HEP.pdf](#)
2. [F0052\\_K01\\_KB05\\_20222\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.5.2 Pelaporan Alumni 2021.pdf](#)
3. [F0052\\_K01\\_KB05\\_20223\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.5.3 KUMPULAN PELAKSANA MOU MOA 2020-2021.pdf](#)
4. [F0052\\_K01\\_KB05\\_20224\\_ACIS\\_Kepimpinan Lampiran 1.5.4 Sistem 5P.pdf](#)
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Shah Alam, dilaksanakan berpandukan kepada **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)** bagi pelaksanaan pada **tahun 2021** dan **Pelan Strategik UiTM 2025 (2020-2025)** bagi pelaksanaan pada **tahun 2021**. Pelan tindakan perancangan strategik ini juga adalah selaras dengan perancangan universiti pada **teras ketiga** yang memfokuskan kepada program-program **berasaskan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni pada tahun 2021** dan berpandukan **nilai ESI iDART bagi tahun 2021** yang berkaitan elemen amanah, rajin dan tanggungjawab. Nilai ESI iDart adalah berteraskan kecemerlangan, sinergi dan integriti.

Bagi merealisasikan perancangan Model Ekonomi Baru (MEB) dan Rancangan Malaysia ke-12, unit Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan di bawah TD HEP dan TD PJI ACIS, telah **diberi tanggungjawab untuk mengurus dan merealisasikan** program jaringan profesional antara kampus dengan industri seperti **projek-projek komuniti dan kemasyarakatan** bagi merapatkan jurang kerjasama **antara pihak Universiti dan Industri/Komuniti**. Segala perangkaan HEP dan PJI ICAN ACIS Shah Alam adalah dengan kerjasama pelbagai pihak terutamanya daripada **staf, pelajar, alumni, industri dan komuniti** untuk menyokong hasrat UiTM bagi **meningkatkan pencapaian universiti melalui “community engagement”**.

**ACIS Shah Alam memberi fokus pada Tema 2** dalam RMK ke-12 iaitu **Memperkuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti** yang menekankan **perihal kesukarelawanan** pada tahun 2021 yang merangkumi **KPI Komuniti sebanyak 10 aktiviti yang berkaitan dengan komuniti** dengan menyasarkan **5 komuniti yang berbeza**. Bagi **KPI kesukarelawanan menyasarkan sebanyak 80 orang staf/pelajar yang terlibat dalam program kesukarelawanan**. Manakala bagi **KPI alumni menyasarkan 17 orang alumni berjaya menjadi usahawan** seperti **Lampiran 2.2.1 (1)** yang terbahagi kepada **4 kumpulan sasaran** yang telah dikenalpasti untuk menjayakan projek iaitu: **komuniti setempat, staf dan pelajar ACIS UiTM, dan alumni**.

Dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan, **Fakulti ACIS** telah menggunakan **pemantauan Pelan Strategik** terhadap jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan melalui **empat kaedah** iaitu **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pengurusan Penyelidikan Jaringan Industri (PJI) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Laporan Program Pelajar**.

ACIS sentiasa membuat penambahbaikan ‘Performance Index’ (PI) Alumni, Komuniti dan kesukarelawanan dalam Pelan Tindakan Strategik dengan memastikan semua kumpulan sasaran terlibat dalam proses perancangan penambahbaikan menggunakan kaedah melalui **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pengurusan PJI dan HEP**, serta **Bengkel Perancangan Strategik dan Perancangan Kewangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)**

Untuk mencapai inisiatif jaringan komuniti dan kesukarelawanan, dua memorandum persefahaman (MoU) antara **ACIS-Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM)** dan **ACIS-SyriaCare** serta kerjasama dengan **Barakah Global Enterprise** bagi menjayakan pelbagai program program **Kembara Korban 1001 Asnaf 2021, Ibadah Korban @ SyriaCare** bagi penganjuran ibadah korban dalam dan luar negara. Pembudayaan ibadah korban dalam kalangan warga dan komuniti luar bersama komuniti dalam dan luar negara ini dijadikan acara tahunan serta mampu memperkuh jaringan komuniti yang menekankan perihal kesukarelawanan dalam membina ukhuwah dan kesepaduan ummah.

Secara ringkasnya, perancangan strategik yang direncanakan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari ACIS memberi fokus terhadap Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan selaras dengan mengambil kira sasaran yang ditetapkan oleh akademi, KPT dan

merencanakannya kepada kecermatan sistem CPM.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Shah Alam, memberi **fokus** kepada jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan sejajar dengan **Tema 2** dalam **RMK ke-12** iaitu **Memperkuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti** yang menekankan **perihal kesukarelawanan** dalam membina kesepaduan sosial dan perpaduan untuk memastikan keamanan dan keharmonian bermula pada tahun 2021-2025. Selain itu, Perancangan ini juga adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) bagi membentuk kepimpinan kesukarelawanan.

Di peringkat UiTM, perancangan ini memenuhi perancangan strategik HEP Induk dalam salah satu unit yang ditubuhkan iaitu kesukarelawanan dan diletakkan di bawah pejabat Kokurikulum.

**Objektif utama** kepada pelaksanaan strategik merangkumi:

### JARINGAN ALUMNI

- 1) Membantu alumni dalam penglibatan bersama fakulti ACIS, para pelajar dan para graduan.
- 2) Merancang, menguruskan dan menyelaraskan data dan aktiviti alumni ACIS serta urusan Graduate Employability (GE) peringkat ACIS.
- 3) Merancang, menyelia dan meningkatkan Endowment Alumni ACIS.

### KOMUNITI

- 1) Membina jaringan dan aktiviti bersama komuniti luar.
- 2) Merancang, menyelaraskan serta mempromosi kepakaran tenaga staf ACIS melalui konsultasi dan penglibatan luar.
- 3) Merancang serta mengusahakan secara proaktif aktiviti/ projek/ program dengan penglibatan bersama komuniti, industri termasuk menjana pendapatan.

### KESUKARELAWANAN

- 1) Menjaga dan memelihara kebajikan serta prihatin.
- 2) Menyuburkan nilai sukarelawanan dan khidmat sosial serta transformasi ilmu.

Dalam usaha memastikan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan dengan penglibatan kumpulan sasaran berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran bagi tahun 2021; bidang tumpuan yang menyokong kepada objektif dan inisiatif strategik dalam perancangan strategik pada tahun 2021 merangkumi **KPI Komuniti sebanyak 10 aktiviti yang berkaitan dengan komuniti** dengan menyasarkan **5 komuniti yang berbeza**. Bagi **KPI kesukarelawanan menyasarkan sebanyak 80 orang staf/pelajar yang terlibat dalam program kesukarelawanan**. Manakala bagi **KPI alumni menyasarkan 17 orang alumni berjaya menjadi usahawan** seperti **Lampiran 2.2.1 (1)** yang terbahagi kepada **4 kumpulan**

...cara yang telah dilaksanakan untuk mengayuhkan projek ini. Terima kasih kepada, dan  
pelajar ACIS UiTM, dan alumni.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_P01\\_PB02\\_20221\\_ACIS\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.2.1.pdf](#)
2. [F0052\\_P01\\_PB02\\_20222\\_ACIS\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.2.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.



## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik pelaksanaan program dirangka sejajar dengan **Tema 2** dalam **RMK ke-12** iaitu **Memperkuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti** yang menekankan **perihal kesukarelawanan** dalam membina kesepaduan sosial dan perpaduan untuk memastikan keamanan dan keharmonian bermula pada tahun 2021-2025. Selain itu, Perancangan ini juga adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) bagi membentuk kepimpinan kesukarelawanan.

Di peringkat UiTM, perancangan ini memenuhi perancangan strategik HEP Induk dalam salah satu unit yang ditubuhkan iaitu kesukarelawanan dan diletakkan di bawah pejabat Kokurikulum.

Promosi jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan melibatkan keseluruhan sistem UiTM.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_P01\\_PB03\\_20221\\_ACIS\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.3.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan, ACIS telah menggunakan pemantauan Pelan Strategik terhadap jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan melalui empat kaedah.

Empat kaedah ini adalah:

1) **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif** melibatkan di antara Dekan, Timbalan Dekan (TD), dan Penolong Pendaftar. Ia merupakan kaedah pemantauan untuk perancangan strategik bagi menjadikan setiap program yang dijalankan berjaya.

2) **Mesyuarat Pengurusan Dalaman** pula merupakan kaedah pemantauan perancangan strategik kedua yang dijalankan secara bulanan melibatkan Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian (KPP), Ketua Unit Kualiti (KUK), dan Penolong Pendaftar. Kaedah pemantauan ini lebih meluas dengan melibatkan pengurusan organisasi KPP dan KUK untuk memastikan susulan gerak kerja (rujuk Lampiran 2.4.1 (1)).

3) **Mesyuarat Pengurusan Penyelidikan Jaringan Industri (PJI) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP)** diadakan secara bulanan yang mana dua mesyuarat pengurusan ini diadakan secara berasingan. Mesyuarat Pengurusan PJI melibatkan Timbalan Dekan Penyelidikan Jaringan Industri (TDPJI), penyelararas, koordinator dan pegawai eksekutif manakala Mesyuarat Pengurusan HEP melibatkan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP), Penyelararas, Koordinator, dan Pegawai Eksekutif masing-masing. Fokus mesyuarat ini adalah untuk memastikan pencapaian sasaran BTU dapat dicapai dalam merealisasikan perancangan strategik berjalan dengan lancar (rujuk Lampiran 2.4.1 (2)).

4) **Laporan Program Pelajar** yang perlu dilaporkan minimum dua minggu atau selewat-lewatnya sebulan selepas program berlangsung. Kaedah ini bagi tujuan pemantauan projek-projek kemasyarakatan dan kesukarelawanan sepanjang tahun. PIC untuk setiap projek yang dilaksanakan di peringkat bertanggungjawab menghantar laporan aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan sebaik selesai projek tersebut kepada AJK unit PJI atau HEP untuk tujuan pemantauan dan penyediaan laporan tahunan pada setiap tahun (rujuk Lampiran 2.4.1 (3)).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(1\).pdf](#)
2. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(2\).pdf](#)
3. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(3\).pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan merancang pengurusan risiko untuk:

- 1)Memastikan perancangan strategik boleh mencapai objektif yang dikehendaki;
- 2)Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan; 3)Mencegah atau mengurangkan kesan risiko yang tidak diingini; dan
- 4)Membuat pemantauan dan penambahbaikan.

Jaringan ini mempunyai **sistem pengurusan risiko** untuk memastikan **kecemerlangan UiTM** pada peringkat negara dan antarabangsa secara **berterusan, meningkat serta tidak terjejas**. ACIS telah menjemput **auditor terlatih** daripada industri untuk menerangkan aspek pengurusan risiko melalui program seperti Bengkel Pengurusan Risiko sejak tahun 2011.

Proses mengenalpasti dan mengatasi risiko dilakukan secara **sistematik dan menyeluruh**. Risiko dipecahkan kepada tiga kategori, iaitu **risiko ‘Uncertainty’** terhadap kualiti program, **risiko ‘visibility’** program di sosial media, dan **risiko ketidakcukupan tenaga penggerak**. Perincian risiko adalah seperti di bawah:

### 1. Risiko ‘Uncertainty’ (Ketidakpastian) terhadap Kualiti Program:

Risiko ‘Uncertainty’ terhadap kualiti program boleh dilihat kepada sambutan kehadiran dan penyertaan daripada pelajar, pensyarah dan juga komuniti. Di bawah jaringan komuniti, ACIS melaksanakan Siri Webinar ACIS di Facebook ACIS UiTM, Media FB Rasmi. Antaranya “Reformasi dalam Pengurusan Halal Malaysia”, “Rezeki Dicari atau Dinanti” dan “Pengukuhan Etika dan Peradaban berpaksikan Perlembagaan Persekutuan” yang memberi perkongsian ilmu kepada pihak komuniti.

Aspek risiko ketidakpastian terhadap kualiti program yang lain adalah dari sudut ketidakcapaian kandungan pengisian kepada kumpulan sasaran seperti komuniti setempat, staf dan pelajar ACIS UiTM, dan alumni menjadikan risiko ketidakpastian ini perlu ditambahbaik.

### 2. Risiko ‘Visibility’ (Ketampakan) Program di Sosial Media:

Risiko ‘visibility’ program di sosial media terutamanya di aplikasi Facebook, Instagram, dan Youtube ialah hebahan promosi terhad kepada peserta. Hebahan promosi hanya dapat dilakukan secara ‘online’ ketika pandemik . Antara program yang memerlukan kepada capaian peserta yang tinggi adalah Program Ibadah Korban dengan kerjasama Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM), Syria Care Malaysia dan Barakah Global Enterprise & Yayasan Al-Rahmah di pelbagai negara.

### 3. Risiko Ketidakcukupan Tenaga Penggerak:

Terdapat kekangan tenaga penggerak dalam kalangan pelajar dan staf ketika pandemik kerana keberadaan pelajar, pensyarah dan kakitangan staf ACIS diminimumkan. Antaranya melibatkan program Misi Banjir kepada keluarga staf dan pelajar ACIS dan Program Agihan Iftar kepada Pelajar Kolej dengan Kerjasama Surau Mawaddah Seksyen 7 dan Kolej Melati. Pelaksanaan Program besar memerlukan tenaga penggerak yang ramai.

## **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti ACIS sentiasa membuat penambahbaikan 'Performance Index' (PI) Alumni, Komuniti dan kesukarelawan dalam Pelan Tindakan Strategik dengan memastikan semua kumpulan sasaran terlibat dalam proses perancangan penambahbaikan menggunakan kaedah melalui **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Pengurusan PJI dan HEP** (rujuk Lampiran 2.4.3 (1)), serta **Bengkel Perancangan Strategik dan Perancangan Kewangan** Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) pada 10-12 November 2021 di ILD Bandar Enstek (rujuk Lampiran 2.4.3 (2)).

Hasil kaedah-kaedah ini, ianya disebar luas kepada seluruh staf ACIS agar lebih memahami hala tuju UiTM dan ACIS secara jelas. TDPJI dan TDHEA menyediakan perancangan awal untuk mengelakkan risiko untuk gagal dalam projek yang telah dirancang. Selain itu, bagi memudahkan pemantauan, pembentangan pencapaian telah diadakan secara bulanan.

- Bagi inisiatif strategik mengurangkan risiko 'Uncertainty' (Ketidakpastian) terhadap Kualiti Program, pihak ACIS menyediakan cabutan bertuah, e-sijil, penyertaan percuma dan banyak lagi untuk menarik penyertaan orang ramai (rujuk Lampiran 2.4.3 (3)). Manakala, risiko ketidakpastian terhadap capaian kandungan pengisian kepada kumpulan sasaran pula boleh diatasi melalui penggunaan bahasa yang sesuai dan mudah difahami.
- Bagi inisiatif Risiko 'Visibility' (Ketampakan) Program di Sosial Media pula, tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan melalui penyebaran poster program yang menarik di medium media massa dan media sosial (Facebook, Whatsapp Group, Youtube, Instagram) secara besar-besaran telah dilaksanakan sebagai kaedah kempen bagi menyampaikan maklumat dan menggalakkan penyertaan daripada komuniti setempat (rujuk Lampiran 2.4.3 (4)).
- Dalam inisiatif strategik seterusnya bagi membendung Risiko Ketidakcukupan Tenaga Penggerak, tindakan yang boleh diambil adalah memastikan kerjasama antara unit, koordinator di fakulti seperti unit korporat, unit akademik dan unit HEP. Selain itu, setiap pelajar dalam fakulti digalakkan menyumbang tenaga pada setiap program (rujuk Lampiran 2.4.3 (5)), bukan sahaja aktiviti induk atau persatuan pelajar dan mereka akan ditawarkan sijil yang boleh digunakan untuk memohon pekerjaan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(1\).pdf](#)
2. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(2\).pdf](#)
3. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(3\).pdf](#)
4. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(4\).pdf](#)
5. [F0052\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20225\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(5\).pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan, memberi **fokus** kepada jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan sejajar dengan **Tema 2** dalam **RMK ke-12** iaitu **Memperkuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti** yang menekankan **perihal kesukarelawanan** dalam membina kesepaduan sosial dan perpaduan untuk memastikan keamanan dan keharmonian bermula pada tahun 2021-2025, ACIS telah melaksanakan:

### 1. MoU bersama NGO dan Ibadah Qurban bersama Komuniti

Untuk mencapai inisiatif jaringan komuniti dan kesukarelawanan, dua memorandum persefahaman (MoU) antara **ACIS-Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM)** dan **ACIS-SyriaCare** serta kerjasama dengan **Barakah Global Enterprise** bagi menjayakan pelbagai program program **Kembara Korban 1001 Asnaf 2021, Ibadah Korban @ SyriaCare** bagi penganjuran ibadah korban dalam dan luar negara. Pembudayaan ibadah korban dalam kalangan warga dan komuniti luar bersama komuniti dalam dan luar negara ini dijadikan acara tahunan serta mampu memperkuh jaringan komuniti yang menekankan perihal kesukarelawanan dalam membina ukhuwah dan kesepaduan ummah (Rujuk Lampiran 2.5.1).

### 2. Ziarah Mahabbah

ACIS juga menjadikan aktiviti **ziarah komuniti, keluarga pelajar, keluarga staf dan pesara** di samping menyampaikan **sumbangan bantuan kebajikan** terutamanya **Agihan Juadah Berbuka Puasa, Misi Banjir**, bantuan ketika pandemik dan sebagainya. Aktiviti ini dijadikan budaya berterusan dalam kalangan warga ACIS bersama komuniti (Rujuk Lampiran 2.5.2).

### 3. Siri Webinar bersama Alumni, Komuniti dan Golongan Minoriti

Antara inisiatif baru sejak 2021 yang dilaksanakan oleh ACIS adalah perkongsian ilmu bersama alumni, komuniti dan golongan minoriti. Sebanyak **6 siri webinar bersama alumni** dan **22 siri webinar umum untuk komuniti** telah dijalankan sepanjang 2021 dan berterusan menjadi budaya ilmu di ACIS. Ini termasuklah siri **Webinar Penyelidikan Muallaf** yang dijalankan untuk golongan minoriti seperti muallaf, menunjukkan keprihatinan terhadap **aspek inklusiviti** (Rujuk Lampiran 2.5.3).

### 4. Sumbangan Bantuan Pembelajaran kepada Pelajar

Sebagai langkah **membudayakan hubungan baik antara warga pelajar, alumni dan komuniti**, ACIS berjaya mewujudkan **inisiatif bantuan pembelajaran peribadi oleh alumni, Datuk Rizalman Ibrahim** iaitu sebanyak **42 buah laptop** untuk pelajar UiTM dan **sumbangan laptop oleh Lembaga Kebajikan Perempuan Selangor** sebanyak **3 buah laptop**, sebagai bantuan sokongan pembelajaran pelajar (Rujuk Lampiran 2.5.4).

## **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_P01\\_PB05\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.1.pdf](#)
2. [F0052\\_P01\\_PB05\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.2.pdf](#)
3. [F0052\\_P01\\_PB05\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.3.pdf](#)
4. [F0052\\_P01\\_PB05\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.4.pdf](#)
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Penekanan pelanggan kepada entiti Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) memainkan peranan yang sangat signifikan dalam memperkukuhkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan pihak alumni, komuniti dan kesukarelawan. Ini bagi memastikan ACIS sentiasa menyedari peranan pelanggan yang terdiri dalam kalangan alumni, komuniti dan kesukarelawan sama-sama membina suasana universiti yang lebih komprehensif, kakitangan yang proaktif dan memberi pengalaman baharu kepada pelajar melalui program komuniti yang lebih relevan dan responsif.

Selari dan sejajar dengan misi dan visi Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berhasrat untuk menjadi sebuah universiti yang terunggul di rantau ini dan di peringkat dunia, maka ACIS telah merangka **perancangan** melalui inisiatif dengan mengadakan kolaborasi bersama rakan strategik industri untuk dimanfaatkan secara bersama dalam pelbagai bidang. Usaha ini perlu dipergiat dengan memperkukuhkan jalinan kerjasama dan kolaborasi antara pelanggan bagi memperkasakan lagi kolaborasi di persada dunia.

Secara umumnya, antara **perlaksanaan** yang telah berlaku dan melibatkan pelanggan meliputi (1) latihan dan pembangunan modal insan pelajar dengan alumni, komuniti dan pihak sukarelawan, (2) disamping sangkutan industri kepada kakitangan dan pelajar melalui alumni, (3) serta pembangunan staf melalui kerjasama seperti program sukerlewan banjir, ibadah korban, kutipan dana untuk anak-anak yatim dan sumpamanya. Selain itu, (4) aspek perundingan oleh tenaga pakar kepada komuniti melalui entiti badan kerajaan/bukan kerajaan seperti perundingan halal, perubatan Islam, pakar rujuk zakat dan wakaf, astronomi dan penasihat Syariah turut menjadi fokus utama. Penyelidikan dan pembangunan produk dan teknologi bersama pihak alumni, komuniti dan sukarelawan. Pengkomersilan harta intelek universiti atau harta intelek bersama alumni, komuniti dan sukarelawan. Sebagai kayu pengukur, ACIS juga telah merangka Pelan Jaringan ACIS-Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan untuk **memantau** segala bentuk pencapaian KPI fakulti dan KPI Bahagian Transformasi Universiti (BTU) supaya objektif mencapai sasaran.

Maklumat daripada hasil, ganjaran dan risiko yang telah dikumpul untuk setiap program, amat berguna untuk merangka dan **menambahbaik** program di masa hadapan. Pihak ACIS juga telah mengambil langkah proaktif rentetan sepanjang pandemik Covid-19. Antara langkah-langkah proaktif yang telah diambil, ialah seperti menjalankan program untuk komuniti dan masyarakat pula difokuskan kepada program untuk membantu agihan makanan asasi 'Bantu Asnaf UiTM' kepada komuniti yang amat terdesak, mewujudkan 'task force banjir Shah Alam 2021' untuk membantu mangsa yang mengalami kerosakan kediaman dan kenderaan. Disamping itu, Jawatankuasa Bencana UiTM (JBU) telah diwujudkan melalui kerjasama ACIS, Pusat zakat, sedekah dan wakaf serta Pejabat Timbalan Naib Canselor HEP yang mana bertanggungjawab bagi menyelesaikan masalah dan risiko yang dihadapi terutamanya untuk pelanggan. Segala tindakan pantas telah diambil oleh Jawatankuasa Bencana UiTM (JBU) bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelanggan agar dipantau dan dibantu segera mungkin.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) komited untuk menawarkan perkhidmatan yang berkualiti, beretika dan berintegriti kepada **kumpulan sasaran** yang merangkumi semua pelanggan UiTM iaitu alumni, komuniti, dan kesukarelawan yang turut boleh mendapat manfaat dari khidmat yang ditawarkan ACIS menerusi piagam pelanggan yang dimaterai. Pendekatan ACIS menumpu kepada perkara berikut:

1. Menawarkan **kursus dan program akademik** berorientasikan Islam kepada komuniti.
2. Menawarkan **khidmat bimbingan dan nasihat** secara individu dan kelompok melalui sesi kuliah di masjid-masjid disekitar Selangor.
3. Menyertai **khidmat kesukarelawan diperingkat negara dan antarabangsa** untuk membantu dan meringankan beban masyarakat yang memerlukan.
4. Membimbing pelajar melalui **kekuatan alumni berdasarkan kepakaran dan perkongsian pengalaman** dalam industri,

Sebaliknya, untuk membolehkan ACIS melaksanakan Piagam ini dengan cekap dan berkesan, Kerjasama daripada semua kategori pelanggan termasuklah kelompok alumni, komuniti dan kesukarelawan amatlah diperlukan menerusi perkara berikut:

1. Memahami segala hak pelanggan dalam piagam ini.
2. Mematuhi segala undang-undang, arahan, peraturan dan garis panduan yang berkaitan.
3. Menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab.

ACIS menggunakan beberapa pendekatan untuk menjalinkan kerjasama terhadap beberapa bidang tumpuan khususnya dari aspek kepakaran dan khidmat sosial yang boleh dimanfaatkan oleh kumpulan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Antaranya ialah:

1. Mengenalpasti kelompok alumni, komuniti dan kesukarelawan yang mempunyai kepentingan bersama dengan ACIS. *(Rujuk Lampiran 3.2.1)*
2. Meningkatkan peranan alumni ACIS dengan menjalinkan kerjasama bersama Alumni yang kini berada dalam pelbagai sektor seperti sektor awam, korporat, industri, atau menjawat jawatan utama dalam syarikat-syarikat utama dalam negara. *(Rujuk Lampiran 3.2.2)*
3. Mempromosi kepakaran dan kemahiran alumni ACIS kepada industri/ institusi melalui media massa, media cetak, media elektronik, penerbitan akademik dan lain-lain. *(Rujuk Lampiran 3.2.3)*
4. Memberikan khidmat sosial kepada alumni & komuniti menerusi aktiviti kesukarelawanan. *(Rujuk Lampiran 3.2.4)*
5. Mengoptimalkan penggunaan sistem teknologi maklumat sebagai inovasi saluran berkongsi kepakaran ACIS kepada komuniti *(Rujuk Lampiran 3.2.5)*

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_T01\\_TB02\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.1.pdf](#)
2. [F0052\\_T01\\_TB02\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.2.pdf](#)
3. [F0052\\_T01\\_TB02\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.3.pdf](#)
4. [F0052\\_T01\\_TB02\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.4.pdf](#)
5. [F0052\\_T01\\_TB02\\_20225\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.2.5.pdf](#)





### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data pelanggan **dikumpul** melalui sistem digital sepuaya setiap dokumen dicatatkan, bukti dan simpan serta susunan rekod tersusun rapi. Berikut adalah metode yang digunakan oleh ACIS dalam perluasan pelanggan:

- a) Setiap program/ aktiviti yang melibatkan alumni, komuniti dan sukarelawan dibuat pelaporan berasaskan kepada format yang telah disediakan oleh PJI-ACIS melalui sistem **SMART**. Sistem ini digunakan sebagai rujukan bagi perekodan data seluruh aktiviti di UiTM.
- b) Mesyuarat berkala bersama PIC yang terlibat dalam **pelaksanaan program/ aktiviti MOU-MOA** bagi mendapatkan maklumat terkini agar semua perancangan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Mesyuarat ini juga membincangkan perangkaan penambahan jalinan MOU-MOA bersama pihak yang berpotensi menerusi alumni, komuniti dan sukarelawan.
- c) Koordinator Pusat Jaringan Industri ACIS membuat **pelaporan penuh** kepada pengurusan ACIS (Timbalan Dekan Pusat Jaringan Industri (PDPJI) status/perkembangan kerjasama dengan pihak alumni, komuniti dan sukarelawan melalui Mesyuarat Pentadbiran Fakulti (MPD) yang diadakan setiap akhir bulan.
- d) Semua data alumni diakses melalui **sistem SIMS** yang menyimpan maklumat peribadi pelajar daripada pelbagai latar belakang. Dari segi data kepuasan pelanggan, pelajar dikehendaki menilai para pensyarah dari segi kualiti dan kepuasan. Terdapat satu platform yang dikenali sebagai **SUFO**, yang mewajibkan pelajar untuk menilai para pensyarah bagi tujuan penambahbaikan mutu PdP ACIS, UiTM khususnya.
- e) Pelantikan **penyelaras** Bahagian Transformasi Universiti yang sentiasa mengemaskini data yang terhasil daripada jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan melalui MOU/MOA dan program yang dilaksanakan.
- f) Pusat Jaringan Industri akan membuat membuat **analisa keberkesanan** aktiviti kerjasama dengan alumni, komuniti dan sukarelawan dengan menggunakan borang kajian kepuasan pelanggan industri. Borang ini diedarkan kepada alumni, komuniti dan sukarelawan sebaik selesai sesuatu program/projek dan diaplikasikan bagi semua program di dalam mahupun luar UiTM.
- g) Laporan pemakluman hasil mesyuarat melibatkan data dapatan alumni, komuniti dan sukarelawan dimuatkan dalam **Google Drive** untuk rujukan semua pihak PJI ACIS.
- h) **Persatuan Alumni Akademi Pengajian Islam Kontemporari (PRACIS)** ditubuhkan sebagai wadah penghubung dan penjalin antara alumni ACIS dan fakulti. Persatuan ini juga ada menyimpan data dan merangka aktiviti yang melibatkan alumni ACIS bagi menyebarkan kebaikan kepada alumni, komuniti dan sukarelawan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_T01\\_TB03\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.1.pdf](#)
2. [F0052\\_T01\\_TB03\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.2.pdf](#)
3. [F0052\\_T01\\_TB03\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.3.pdf](#)
4. [F0052\\_T01\\_TB03\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.4.pdf](#)
5. [F0052\\_T01\\_TB03\\_20225\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kebaikan/ganjaran yang dapat dihasilkan adalah berkaitan perkara berikut:

#### **a) Peningkatan Jaringan Sosial**

Universiti dalam mengukuhkan hubungan dengan masyarakat akan dapat mengukuhkan jaringan sosial dan pelbagai khidmat dan sumbangan yang dapat dihulurkan kepada masyarakat. Pada masa yang sama, kualiti pengajian di universiti akan dapat ditingkatkan melalui penglibatan universiti dengan komuniti dan khidmat sukarelawan. Penglibatan ini akan meningkatkan kualiti penyelidikan, penerbitan dan konsultasi. Ini dapat dilakukan sekiranya universiti benar-benar menghubungkan universiti dengan pelanggan yang terdiri daripada dan alumni dan komuniti melalui pelbagai bidang ilmu yang disediakan dalam universiti.

Komuniti pula akan dapat manfaat yang banyak dan boleh menjadi platform ini untuk membangunkan kualiti pendidikan, kefahaman dan penghayatan ilmu dalam kalangan ahli komuniti.

#### **b) Peningkatan Kesedaran Komuniti**

Dalam usaha menghubungkan pihak universiti dengan masyarakat, sama ada melalui penglibatan secara langsung atau tidak langsung, ia dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan ahli masyarakat tentang sesuatu aspek penting seperti pembelajaran dan kualiti kehidupan.

Ini dapat dilakukan sama ada dengan penganjuran aktiviti seperti seminar, konferen, syarahan dan penggunaan fasiliti untuk manfaat komuniti secara berterusan. Biasanya Pelajar dan pensyarah akan memanfaatkan ilmu dan kemahiran kepada masyarakat. Perkara ini turut melibatkan alumni yang telah mengikuti pengajian secara formal dalam universiti untuk turut bersama menghulurkan sumbangan kepada masyarakat.

#### **c) Peningkatan Profesionalisme**

Penglibatan pihak universiti membolehkan pensyarah dan alumni memanfaatkan ilmu pengetahuan kepada komuniti. Ini boleh meluaskan kepakaran, mempertingkatkan keberhasilan yang ditetapkan.

Penglibatan universiti dengan komuniti masyarakat bergantung kepada sumbangan universiti bagi membantu mengembangkan kepakaran, manakala pihak universiti pula meraih reputasi tinggi menerusi peningkatan jumlah dana dan bidang penyelidikan.

Pihak universiti boleh memanfaatkan hasil kajian kepada komuniti bagi memberi input yang terkini bagi memberi pandangan dalam mewujudkan kesejajaran antara komuniti dan universiti. Jalinan kerjasama antara komuniti dan universiti dalam semua bidang bagi memenuhi keperluan semasa universiti dan industri.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20221\\_LAMPIRAN 3.4.1.pdf](#)
2. [F0052\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20222\\_LAMPIRAN 3.4.1 \(b\).pdf](#)

3. [F0032\\_101\\_1B04\\_1001\\_20223\\_LAMPIRAN 3.4.1 \(C\) DTU 2021.ppt](#)

4.

5.

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Susulan daripada gejala Covid 19 yang melanda, pelbagai risiko yang telah menjejaskan pelaksanaan atau pencapaian maklumbalas pelanggan terhadap aktiviti komuniti dan kesukarelaan yang dijalankan adalah dikenalpasti.

Masalah penularan Covid 19 menjadi risiko utama dan penghalang untuk mencapai objektif atau sasaran yang telah ditetapkan. Lampiran menunjukkan risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan dan cadangan untuk mengatasi risiko. Risiko yang dibincangkan juga akan turut memberi kesan kepada pelanggan.

Di samping itu, terdapat beberapa kriteria penting dalam pemilihan pihak yang ingin bekerjasama dengan ACIS selaras dengan kepentingan UiTM:

- a) Program Bermanfaat kepada pembangunan komuniti(dari aspek modal insan, penyelidikan dan pengembangan), negara dan masyarakat;
- b) Perkara yang tidak memberi kemudahan kepada ACIS bagi setiap kerjasama yang dijalankan;
- c) Aktiviti sukarelawan yang sah dari segi undang-undang. ACIS tidak boleh disabitkan dengan apa-apa kesalahan peraturan atau undang-undang yang dilakukan oleh pihak industri melalui kerjasama yang dijalankan;
- d) Aktiviti sukarelawan yang tidak melibatkan kepentingan mana-mana pertubuhan politik, suku kaum tertentu, pertubuhan haram dan pelampau agama.

Oleh itu, kerjasama dan program kepada pelanggan akan dipastikan untuk mengelak risiko seperti kemudahan aspek kesihatan, keselamatan, perundangan dan kesejahteraan kepada semua.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20221\\_Lampiran 3.4.2.pdf](#)
2. [F0052\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20222\\_Lampiran Pekeliling Kemasukan Pelajar Ke Kampus Bagi Sesi I 2021\\_2022 \(1\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.4.3 MENGENALPASTI MOU/ MOA BERSAMA NGO/KOMUNITI YANG MEMBERI IMPAK YANG BESAR KEPADA FAKULTI DAN UiTM SECARA KESELURUHAN

#### Pengurusan Risiko

1. Risiko Pembaziran Sumber.
  - a) Mengenalpasti MOU/ MOA bersama NGO/Komuniti yang memberi impak yang besar kepada fakulti dan UiTM secara keseluruhan.
  - b) Memastikan semua PIC yang dilantik bagi setiap MOU/ MOA melaksanakan aktiviti dan program yang dirancang sepanjang tempoh perjanjian kedua-dua pihak
  - c) Memastikan setiap program MOU/MOA yang dirangka mempunyai hala tuju dan memenuhi pencapaian KPI Fakulti dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU).
  - d) Mengelakkan daripada melaksanakan program yang sama yang boleh dilakukan secara bersama antara bidang tugas hal ehwal akademik, pelajar dan
  - e) Mengelakkan daripada melaksanakan program yang sama yang boleh dilakukan secara bersama antara bidang tugas hal ehwal akademik, pelajar dan jaringan industri
  - f) Meningkatkan promosi dalam semua media sosial, elektronik, bercetak dan sebagainya bagi menjayakan setiap program yang dilaksanakan agar melibatkan penyertaan semaksimal mungkin.
  
2. Risiko ketidakcapaian KPI Fakulti dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU)
  - a) Bengkel Pelan Perancangan Strategik dilaksanakan pada awal tahun dan setiap program/ aktiviti dilaksanakan berasaskan kepada pelan yang dirancang
  - b) Pemantauan dan pertimbangan semula sasaran aktiviti dilaksanakan secara bulanan agar setiap masalah dikenalpasti dan dapat diatasi dengan pantas.
  
3. Risiko ketidakcukupan tenaga penggerak
  - a) Memastikan kerjasama antara unit, coordinator di fakulti seperti unit korporat, unit akademik dan unit HEP
  - b) Menggalakkan penyertaan pelajar dalam setiap program yang dirancang bagi mengelakkan kekurangan tenaga penggerak di samping latihan kepimpinan kepada pelajar.
  
4. Risiko ketidakpatuhan pekeliling dan SOP
  - a) Standard pekeliling ICAN sentiasa diikuti dan dipatuhi.
  - b) Melaksanakan pelaporan bagi setiap program yang dilaksanakan kepada Koordinator ICAN untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Dalaman Fakulti (MPD) dan disahkan oleh Dekan fakulti.
  - c) Setiap program perlu mendapat kelulusan sebelum berjalan dan dana yang digunakan adalah diperuntukkan secara jelas melalui tabung khusus, punca kuasa melalui minit mesyuarat

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20221\\_Lampiran 3.4.3 \(Pengurusan Risiko\).pdf](#)

2. [10002\\_101\\_1004\\_1000\\_4044\\_Lampiran\\_Tampilan\\_Repada\\_Perbaikan\\_S.T.S.pul](#)

3.

4.

5.



### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

1- Bagi memastikan **keberkesanan setiap tindakan yang dilakukan terhadap hubungan antara ACIS Bersama kelompok alumni, komuniti dan kesukarelawan**, langkah penting yang dilakukan adalah dengan **mengemaskini jawatankuasa Alumni ACIS yang dikenali dengan nama PRACIS**. Ia bagi memudahkan maklumat kepada alumni, komuniti dan kesekarelawan dapat disalurkan dengan menerusi keseluruhan modium yang diwujudkan PRACIS (Rujuk Lampiran\_Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.1)

2- ACIS turut **memperkenalkan dan membudayakan aktiviti penyampaian perkongsian kepakaran kepada alumni, komuniti, dan sukarelawan menerusi siri "Tazkirah Jumaat"** yang diadakan pada setiap hari Jumaat yang disiarkan secara langsung di facebook ACIS. (Rujuk Lampiran\_Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.2)

3- ACIS juga meneruskan **pelaksanaan program Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM)**. SULAM ialah pengalaman pendidikan berasaskan kursus dan memberi kredit di mana **pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti perkhidmatan berstruktur yang memenuhi keperluan komuniti** yang dikenal pasti, memikirkan aktiviti perkhidmatan dan pengalaman untuk mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, dengan cara untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam. kandungan sudah tentu, penghayatan disiplin yang lebih luas, nilai peribadi yang dipertingkatkan dan tanggungjawab sivik. (Rujuk Lampiran\_Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.3)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_T01\\_TB05\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan\\_3.5.1.pdf](#)
2. [F0052\\_T01\\_TB05\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.2.pdf](#)
3. [F0052\\_T01\\_TB05\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan 3.5.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bidang **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** merupakan antara bidang tumpuan ACIS yang menyerlah dari segi prestasi pada tahun 2021. Pencapaian PPU untuk **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** diukur berdasarkan PPU yang telah ditetapkan dalam sasaran BTU. PPU bagi **Jaringan Alumni** merangkumi aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan alumni ACIS iaitu PRACIS bersama warga UiTM mahupun masyarakat luar. Sasaran **Jaringan Komuniti** pula merangkumi partisipasi warga UiTM dalam memberikan sumbangan dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Manakala bagi **Jaringan Kesukarelawan** melibatkan penyertaan warga ACIS dalam memberikan perkhidmatan secara sukarela dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. ACIS telah merancang dengan teliti dan sistematik pelan tindakan bersesuaian untuk kesemua PPU tersebut. Dari semasa ke semasa, ACIS mengumpul data pencapaian bagi setiap PPU beserta bukti-bukti pencapaian untuk membolehkan analisa data dapat dilaksanakan. Data-data terkumpul bagi tahun dinilai 2021 telah dianalisa secara deskriptif bagi mengenalpasti peratus pencapaian setiap PPU.

Penetapan sasaran (Petunjuk Prestasi Utama atau PPU) dalam sesuatu bidang tumpuan jabatan sememangnya sangat penting bagi membolehkan pelan tindakan dapat dirancang secara lebih tersusun dan sistematik. Pengukuran ACIS dirancang, dilaksana, dipantau, ditambah baik secara sistematik dan berterusan menggunakan kitaran PDCA iaitu '**Plan, Do, Check, Act**'. Metodologi ini digunakan sebagai satu sistem penambahbaikan kualiti.

**Pelaksanaan pengukuran data pencapaian (plan)** dalam bidang tumpuan yang dipilih telah diuruskan oleh ACIS dalam sistem yang tersusun. Bagi tahun 2021, tema ACIS 'Jaringan kepimpinan dan kesukarelawan inter-fakulti' telah memandu Bahagian Transformasi Universiti (BTU) ACIS untuk memastikan perancangan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dirangka selari objektif Pelan Strategik UiTM2025.

Dari segi **pelaksanaan (do)**, Jawatankuasa ICAN bertanggungjawab untuk memastikan segala perancangan aktiviti dapat dilaksanakan secara sistematik bagi memenuhi objektif Pelan Strategik ACIS. Data bagi segala aktiviti yang dilaksanakan dikumpulkan oleh pihak ICAN untuk menjalankan proses pengukuran prestasi secara keseluruhan. Data-data tersebut dianalisa secara suku tahunan. Prestasi ACIS pada tahun 2021 bagi Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan ACIS telah mencapai hampir 58% 'performance indicator' yang menunjukkan seratus peratus sasaran telah dicapai.

Seterusnya, bagi proses **pemantauan (check)**, Pengurusan Kualiti ACIS bertanggungjawab untuk mengumpul data berkaitan pencapaian bidang tumpuan untuk memastikan Objektif Kualiti tercapai. Proses pemantauan ini menggunakan Sistem SePADU di mana data yang dikumpulkan itu dianalisa, diringkaskan serta dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE). Manakala bagi pengurusan risiko, Penyelaras Risiko ACIS membangunkan pelan pengurusan risiko ACIS untuk dibentangkan dalam MPE. Untuk tindakan penambahbaikan yang selanjutnya dibincangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Tindakan **penambahbaikan (act)** dilakukan bagi menambahbaik pencapaian ACIS. Data pencapaian berkaitan bidang tumpuan daripada warga ACIS dikumpul dan dibentangkan oleh Penyelaras BTU. Beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan oleh PTJ berjaya menghasilkan perubahan yang positif dalam kalangan warga ACIS (rujuk Lampiran 4.5.2). Amalan pembudayaan dalam kalangan warga ACIS melibatkan staf PTJ dan alumni. ACIS telah mengambil inisiatif membudayakan kesukarelawan dan perkongsian ilmu kepada warga ACIS cawangan UiTM dan masyarakat secara maya. Antara aktiviti pembudayaan tersebut adalah kutipan sumbangan kepada staf yang dilanda musibah, siri tazkirah Jumaat oleh warga ACIS yang disampaikan di platform Facebook. Selain itu, staf ACIS juga telah menyumbangkan ilmu di dada akhbar arus perdana, saluran rasmi Youtube UiTM Channel, slot televisyen dan

radio (rujuk lampiran 4.5.1).

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mencapai objektif yang disasarkan, perancangan strategik oleh pihak pengurusan ACIS serta pemilihan pendekatan yang tepat adalah penting dalam meningkatkan kebolehpayaan jabatan.

Elemen inovasi serta perkongsian pengetahuan turut diambil kira di dalam perancangan sistematik yang disediakan. ACIS meletakkan tema utama bagi tahun 2021 sebagai '**Jaringan kepimpinan dan kesukarelawanan inter-faculty**'. Bagi setiap bidang, pemeraksanaan pelaksanaan ditetapkan berdasarkan objektif yang jelas dan tuntas sebagaimana berikut:

### 1. Jaringan Alumni

- i. Membantu alumni dalam penglibatan bersama fakulti ACIS, para pelajar dan para graduan.
- ii. Merancang, menguruskan dan menyelaraskan data dan aktiviti alumni ACIS serta urusan Graduate Employability (GE) peringkat ACIS.
- iii. Merancang, menyelia dan meningkatkan Endowment Alumni ACIS.

### 2. Jaringan Komuniti

- i. Membina jaringan dan aktiviti bersama komuniti luar.
- ii. Merancang, menyelaraskan serta mempromosi kepakaran tenaga staf ACIS melalui konsultasi dan penglibatan luar.
- iii. Merancang serta mengusahakan secara proaktif aktiviti/ projek/ program dengan penglibatan bersama komuniti, industri termasuk menjana pendapatan.

### 3. Kesukarelawanan

- i. Menjaga dan memelihara kebajikan serta prihatin.
- ii. Menyuburkan nilai sukarelawanan dan khidmat sosial serta tranformasi ilmu.
- iii. Memberdaya penjanaan kreativiti dan inovasi sebagai peneraju agenda tranformasi.

Selari dengan **Pelan Strategik UiTM2025**, Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah diwujudkan di peringkat fakulti, kampus dan jabatan. Pengoperasian di peringkat ACIS dilaksanakan oleh Penyelaras yang dilantik oleh Dekan akademi. Tugas wakil BTU perlu dilaksanakan di bawah skop strategik dan transformasi supaya lebih efisien bagi memastikan sasaran universiti tercapai di samping memenuhi **Pelan Strategik ACIS**.

Berasaskan bidang tumpuan yang telah dipilih iaitu Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawanan, ACIS menumpukan kepada tiga misi utama iaitu:

- memperkasa kecemerlangan alumni dan graduan menerusi keterlibatan didalam program professional, penyelidikan dan komuniti
- mengukuhkan kerjasama antara industri dan fakulti bagi meningkatkan peluang kerjaya alumni dan graduan; seterusnya mengeratkan jaringan alumni dan graduan melalui sumbangan idea dan kepakaran
- memastikan perlaksanaan program pembinaan karier yang berterusan

Bagi aspek kesukarelawanan, penekanan diberikan dalam menyuburkan nilai sukarelawanan dan khidmat sosial serta tranformasi ilmu. Sehubungan itu, galakan penyertaan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan dirancang untuk ditingkatkan, agar sifat empati dapat diterapkan dalam pembangunan insan pelajar. Staf akademik juga disarankan untuk turun bersama masyarakat dan komuniti untuk menyemarakkan gagasan memasyarakatkan universiti. Di samping itu, perancangan strategik bagi bidang ini dirangka bersesuaian dengan keadaan semasa yang masih lagi berada dalam pandemik COVID-19.

Penilaian secara dalaman dilaksanakan mengikut kaedah yang telah ditetapkan sebagai instrumen pengukuran. Bagi mengukur tahap pencapaian bidang Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan, BTU ACIS telah melaksanakan beberapa pendekatan yang bersasar dan lebih komprehensif melibatkan beberapa pihak yang terlibat (**Lampiran ACIS\_Kriteria 4 Pengukuran\_Jadual 4.2.1**).

- **Jaringan Alumni** – melibatkan pelajar, alumni (bekas pelajar) dan staf
- **Komuniti** – melibatkan pelajar, komuniti masyarakat, komuniti industri, staf, agensi kerajaan
- **Kesukarelawan** – melibatkan pelajar, komuniti masyarakat, komuniti industri, staf, agensi kerajaan

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_A01\\_AB02\\_20221\\_ACIS\\_Kriteria 4 Pengukuran\\_Jadual 4.2.1.pdf](#)
2. [F0052\\_A01\\_AB02\\_20222\\_ACIS\\_Kriteria 4 Pengukuran\\_4.2.2.pdf](#)
3. [F0052\\_A01\\_AB02\\_20223\\_ACIS\\_Kriteria 4 Pengukuran\\_4.2.3.pdf](#)
4. [F0052\\_A01\\_AB02\\_20224\\_ACIS\\_Kriteria 4 Pengukuran\\_4.2.4.pdf](#)
5. [F0052\\_A01\\_AB02\\_20225\\_ACIS\\_Kriteria 4 Pengukuran\\_4.2.5.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Jadual 4.3 menunjukkan sasaran dan pencapaian Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ACIS pada tahun 2021. Kaedah penilaian dibuat secara deskriptif dengan mengambilkira pertambahan frekuensi dan peningkatan peratus pencapaian setiap 'performance indicator' (PI). Data dikumpul dan dianalisa secara suku tahunan (quarterly) iaitu empat kali setahun. Prestasi ACIS dianalisa berdasarkan skor warna yang telah ditetapkan oleh pihak BTU sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 4.3.

Secara umumnya, prestasi ACIS dalam Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ACIS pada tahun 2021 adalah amat memuaskan dengan hampir 58% performance indicator daripada keseluruhan indicator menunjukkan pencapaian 100 peratus iaitu sasaran telah dicapai. Walaubagaimanapun, ada beberapa PI masih jauh dari sasaran dan memerlukan usaha penambahbaikan yang lebih agresif bagi meningkatkan sasaran yang ditetapkan seperti di PI 23, PI 24, PI 35, PI 97 dan PI 90. (Jadual 4.3)

Jawatankuasa ICAN telah dilantik bagi memastikan data-data aktiviti yang dijalankan dapat dikumpul di dalam google drive dan dipantau menerusi jawatankuasa yang bertanggungjawab seperti di Jadual 4.3.1

Selain itu, PI dan aktiviti warga ACIS dalam aspek komuniti, alumni dan kesukarelawanan yang telah dilaksanakan oleh ACIS boleh diakses oleh umum menerusi platform Facebook Media Rasmi ACIS dan E- buletin ACIS yang boleh diakses menerusi laman web ACIS. (Jadual 4.3.2)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_A01\\_AB03\\_20221\\_ACIS\\_PENGGUKURAN\\_4.3.pdf](#)
2. [F0052\\_A01\\_AB03\\_20222\\_ACIS\\_PENGGUKURAN\\_4.3.1docx.pdf](#)
3. [F0052\\_A01\\_AB03\\_20223\\_ACIS\\_PENGGUKURAN\\_4.3.2.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Perancangan pengukuran tahap pencapaian dilaksanakan oleh Unit Strategik Transformasi Universiti dan Unit Pengurusan Kualiti ACIS agar selari dengan objektif dalam Perancangan Strategik UiTM 2025. Unit ICAN di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM ACIS bertanggungjawab terhadap pengumpulan data pencapaian bidang tumpuan. Seorang AJK ICAN dilantik bagi tujuan pengumpulan data yang efektif.

Selain Unit ICAN, Unit Pengurusan Kualiti UiTM ACIS juga menjalankan pengumpulan data berkaitan pencapaian bidang tumpuan bagi tujuan pengukuran pencapaian Objektif Kualiti. Sistem pengumpulan data yang digunakan adalah Sistem SePADU Data yang dikumpul kemudian dianalisa, diringkaskan serta dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE).

Tiga kategori petunjuk prestasi digunakan sebagai pengukur utama pencapaian bidang tumpuan. Kategori pertama adalah berdasarkan petunjuk prestasi di bawah Perancangan Strategik UiTM ACIS, iaitu Alumni, Komuniti, Sukarelawan. Dalam penyemaian minat dan kecenderungan kepimpinan dan kesukarelawan di ACIS. Kerjasama pelbagai aktiviti kesukarelawan dapat memperkuat dan memperkasakan komuniti, dan meningkatkan integrasi sosial. **(Lampiran 4.4.1.1)**

Maklumat hasil analisa data pencapaian prestasi semasa berkaitan dengan Bidang Tumpuan dikongsi dan dibentangkan oleh Ketua Unit Kualiti UiTM Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik untuk tujuan tindakan penambahbaikan dan mitigasi. Rumusan keputusan beberapa mesyuarat berkaitan tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:

Pertama, semua Ketua Pusat Pengajian dan Ketua Bahagian perlu memastikan bahawa petunjuk prestasi atau *Performance Indicator* (PI) yang telah ditetapkan di dalam perancangan strategik tercapai **(Lampiran 4.4.1.2)**.

Kedua, susulan pelaporan berkala pencapaian PI dalam mesyuarat, Penyelaras Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTM ACIS diminta untuk mengadakan bengkel pelaksanaan tindakan bersama wakil Perancangan Strategik Fakulti/Bahagian dan mengemukakan pelaporan kepada Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) akan datang **(Lampiran 4.4.1.3)**.

Selain daripada perkongsian maklumat di peringkat mesyuarat MPE, hasil analisa pencapaian prestasi Bidang Tumpuan turut dilaporkan di dalam **Laporan Tahunan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM ACIS**, Laman Sesawang Rasmi ACIS; WhatsApp rasmi ACIS; Facebook Rasmi ACIS e-Buletin ACIS; E-mel rasmi UiTM; Google Classroom ACIS. Perkongsian maklumat adalah penting untuk staf ACIS di semua peringkat Jaringan Industri dan Keusahawan ACIS bagi tujuan penilaian sendiri dan penambahbaikan di peringkat bahagian **(Lampiran 4.4.1.4)**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20221\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.1.1.pdf](#)
2. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20222\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.1.2.pdf](#)
3. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20223\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.1.3.pdf](#)
4. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20224\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.1.4.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Bagi mengenalpasti risiko dalam pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, proses pengurusan risiko yang berikut telah dijalankan, iaitu mengenal pasti risiko, menilai risiko, membangunkan pelan pengurusan risiko, melaksana pelan pengurusan risiko serta menyemak semula dan memantau pelan pengurusan risiko oleh Penyelaras Risiko ACIS. Laporan risiko telah dimuatnaik dalam Microsoft Excel bagi tahun 2021 (**Lampiran 4.4.2.1**). Penyelaras risiko mengenalpasti, menilai dan membangunkan pelan pengurusan risiko ACIS untuk dibentangkan dan dimurnikan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE). Hasil mesyuarat didokumentasikan dalam bentuk laporan dan dimuatnaik ke dalam sistem eRMS. Contoh laporan eRMS yang berkaitan dengan Bidang Tumpuan seperti dalam (**Lampiran 4.4.2.2**).

Aspek yang amat penting dalam pengenalanpastian risiko adalah pengumpulan data yang efektif berkaitan Bidang Tumpuan. Justeru itu, langkah-langkah berikut telah diambil untuk mempertingkatkan keberkesanan pengumpulan data di bawah Bahagian Transformasi Universiti (BTU) ACIS. Pertama, bagi memastikan sistem pengumpulan data disebarluas, Penyelaras Risiko ACIS bertanggungjawab mewartakan pautan pengumpulan data (**Lampiran 4.4.2.3**) untuk mengelak data dari tidak dilaporkan. Kedua, bagi memastikan data dikumpul secara sistematik dan menyeluruh, pengumpulan data hanya dilakukan oleh Penyelaras yang dilantik dan dimuatnaik melalui pautan yang diberikan. Ketiga, bagi memastikan data yang dikumpul adalah relevan dan terkini, Penyelaras mengasingkan data mengikut petunjuk prestasi dan melakukan semakan ke atas kesahihan data sebelum memuatnaik data tersebut. Keempat, bagi menjamin keselamatan dan kerahsiaan data, pautan memuatnaik data hanya boleh dicapai oleh Penyelaras Risiko ACIS.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20221\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.2.1.pdf](#)
2. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20222\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.2.2.pdf](#)
3. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20223\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.2.3.pdf](#)



#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil tindakan dianalisis dan dikaji semula untuk penambahbaikan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). MKSP dilaksanakan dengan kekerapan sekali dalam tempoh setahun bagi menambah baik pencapaian objektif kualiti ACIS secara berterusan. Contoh **Minit Mesyuarat MKSP ACIS** bagi tahun 2020 seperti dalam (**Lampiran 4.4.3.1**). Data pencapaian setiap bahagian dibentangkan oleh Ketua Unit Pengurusan Kualiti (KUPK). Sebarang isu berhubung dengan pencapaian objektif kualiti dibincangkan dan tindakan penambahbaikan diputuskan dalam mesyuarat tersebut. Objektif kualiti yang berkaitan dengan Bidang Tumpuan (BT) penglibatan staf akademik dalam kegiatan pelajar dan/atau khidmat masyarakat setiap tahun (**Lampiran 4.4.3.2**).

Setiap bahagian menyediakan laporan pencapaian suku tahun masing-masing berdasarkan petunjuk prestasi (PI) yang diamanahkan untuk tahun berkenaan. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berkaitan dengan BT adalah bilangan yang dilaksanakan dalam tempoh setahun. Sebanyak 5 buah program telah dilaksanakan oleh ACIS dalam program khidmat masyarakat/kesukarelawan, 3 buah program yang dianjurkan oleh Alumni ACIS dan sebanyak 63 program komuniti yang telah dilaksanakan oleh ACIS sepanjang tahun 2021(**Lampiran 4.4.3.3**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20221\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.3.1.pdf](#)
2. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20222\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.3.2.pdf](#)
3. [F0052\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20223\\_ACIS\\_PENGUKURAN\\_4.4.3.3.pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

ACIS sentiasa memastikan peningkatan prestasi dengan melakukan penambahbaikan berterusan. Hasil penganalisan data pencapaian ACIS yang diukur setiap suku tahunan diteliti bagi menghasilkan strategi penambahbaikan prestasi, seterusnya mencapai matlamat ACIS.

ACIS telah membudayakan penglibatan staf PTJ dan alumni dalam program khidmat masyarakat dan kesukarelawan dengan mengutip sumbangan daripada warga ACIS dan membuat sumbangan kepada mereka yang dilanda bencana atau tidak bernasib baik. Langkah ini membolehkan meringankan mereka yang ditimpa musibah. (Lampiran 4.5)

ACIS telah mengambil inisiatif untuk menghidupkan pagi jumaat dengan siri tazkirah jumaat yang di sampaikan oleh staf ACIS secara bergilir. Program ini juga dapat di saksikan secara langsung di platform Facebook live ACIS setiap Jumaat , 8 sehingga 8.30 pagi. Program yang secara tidak langsung bertujuan memantapkan jatidiri dan persona staf ACIS. Elemen perkongsian maklumat yang disampaikan oleh staf ACIS di medium Facebook ACIS ditonton oleh warga ACIS, Staf UiTM cawangan dan masyarakat umum. Program ini direkod kan laman facebook bagi memudahkan perkongsian ilmu kepada masyarakat. Live Facebook membolehkan ilmu itu dikongsikan (*shared*) ke medium lain. Selain itu, staf ACIS juga kerap menyumbangkan hasil tulisan dan karya mereka ke dalam akhbar dan berkongsi ilmu di dalam televisyen slot radio dan media Youtube (Lampiran 4.5.1). Program penyampaian ilmu telah menjadi tontonan warga ACIS, warga UiTM dan masyarakat secara umum.

Penambahbaikan dan inovasi merupakan proses berterusan yang memerlukan komitmen tinggi dari semua warga di ACIS. Di samping itu, kerjasama yang baik dari pihak industri tempatan dan antarabangsa amatlah perlu bagi memastikan prestasi ACIS menyerlah di mata dunia. Justeru, peningkatan aktiviti pembudayaan Jaringan Alumni, Komuniti dan kesukarelawan amatlah perlu diberi penekanan untuk pelan tindakan berterusan di masa hadapan. (Lampiran 4.5.2)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_A01\\_AB05\\_20221\\_ACIS\\_PENGGURAN\\_4.5.pdf](#)
2. [F0052\\_A01\\_AB05\\_20222\\_ACIS\\_PENGGURAN\\_4.5.1.pdf](#)
3. [F0052\\_A01\\_AB05\\_20223\\_ACIS\\_PENGGURAN\\_4.5.2.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dalam usaha menjadikan ACIS sebuah organisasi kukuh dan sentiasa relevan, ACIS mengambil tindakan yang tersusun rapi dalam aspek pengurusan sumber tenaga manusia bermula dengan penentuan keperluan tenaga kerja, pengambilan tenaga kerja, pembangunan keupayaan tenaga kerja dan kemajuan kerjaya tenaga kerja. Proses ini melibatkan secara khusus kepada aktiviti dan perkhidmatan ke arah Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Ini bertepatan dengan budaya ACIS amat mementingkan pembinaan budaya kerja yang efektif dan berkualiti secara menyeluruh yang dibina seawal perlantikan tenaga kerja sehingga tamat perkhidmatannya. Hasilnya, ACIS terus aktif memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan yang selari dengan urus tadbir universiti. ACIS makin berkembang maju sebagai sebuah akademi yang telah ditransformasikan dari CITU ke ACIS.

ACIS memaksimumkan penggunaan sumber manusia secara efisien bagi penghasilan output kualiti yang cemerlang mengatasi organisasi lain yang mempunyai sumber manusia yang lebih dari aspek kuantiti dilaksanakan melalui sistem pemeraksanaan ACIS secara holistik iaitu Proses Perlaksanaan Sistem 5P Holistik ACIS (Rujuk Lampiran). Sistem ini memberi peluang sama rata kepada semua staf dalam persekitaran kerja yang tenang untuk memastikan kehendak pelanggan daripada pelajar, masyarakat dan pihak berkepentingan dipenuhi. Selain itu, ACIS juga memastikan bahawa tenaga kerja dalaman (pelanggan misi) dan warga UiTM turut diberi perhatian.

Aspek kompetensi sumber tenaga kerja, ACIS memastikan semua tenaga kerja adalah berkemampuan dan berkelayakan dengan menilai tiga elemen kompetensi berikut, iaitu:

- a. **Professional Competency:** iaitu menyemak kelayakan akademik, sijil profesional, pengiktirafan serta pengalaman dalam bidang yang diceburi
- b. **Personel Competency:** iaitu menilai sahsiah dan rupadiri tenaga kerja termasuk aspek komunikasi, penampilan, pengurusan masa dan berusaha ke arah penambahbaikan
- c. **Technical Competency:** iaitu menilai kompetensi generik yang berkaitan secara langsung dengan tugas dan tanggungjawab

ACIS turut memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf melalui penghargaan lisan dan keraian. Staf yang baru berkahwin, mendapat cahayamata serta menyambut hari lahir turut diraikan dengan majlis jamuan. Begitu juga dengan staf yang sakit diziarahi bagi memberi sokongan moral. Malah, pihak pengurusan turut mengadakan majlis keraikan bersama keluarga staf di luar UiTM untuk mewujudkan suasana gembira berkerja dalam kalangan staf. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang juga diberikan berdasarkan sumbangan dan prestasi staf.

Pihak pengurusan ACIS terbuka dalam menerima maklumbalas atau aduan secara terus demi meningkatkan mutu perkhidmatan organisasi. Pengurusan Sumber Manusia di ACIS juga memberi maklumbalas melalui pelbagai medium seperti peti cadangan / aduan, telefon dan aplikasi kumpulan Whatapps. Hasil daripada maklumbalas tersebut, ACIS melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti membuat perubahan organisasi dan bidang tugas, menambah bilangan staf serta menambahbaik sistem penyampaian dan infrastruktur.

ACIS juga telah melakukan beberapa inisiatif penting dalam melibatkan staf memperkukuhkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan industri dan juga keterlibatan dalam aktiviti Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Ini terbina melalui MOU/MOA yang dihasilkan termasuk menggalakkan staf membina hubungan dan kerjasama dengan pihak yang berkepentingan



## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan dan pelaksanaan sumber manusia di ACIS adalah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2020 sebagaimana 11 sasaran aktiviti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik UiTM 2020-2025. Secara jelas perancangan strategik jangka panjang melibatkan KPI Pelan Strategi dan KPI Objektif Kualiti Staf (OKS) dengan mengenalpasti peranan tenaga kerja sebagai sistem sokongan dan nadi penggerak dalam memacu visi dan misi universiti. Amanat Naib Canselor memberi penekanan kepada peranan tenaga berkualiti yang mempunyai nilai dan etika dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berpretasi tinggi. Ini diperkukuhkan dalam perancangan strategik tahunan yang dibuat oleh ACIS bagi mencapai kualiti perkhidmatan yang lebih bermutu seperti yang dinyatakan dalam Amanat Naib Caselor. (Lampiran 5.1.1)

Pihak pengurusan ACIS telah merangka startegik bagi meningkatkan kopentensi staf dengan menjalankan bengkel perancangan strategik yang dibuat. Bengkel perancangan strategik tersebut bagi merangka pencapaian akan datang dan pengurusan kewangan yang lebih efisien. Seramai 23 staf yang memegang kepimpinan ACIS menyertai bengkel tersebut. Penghasilan baru telah dibuat dan dinyatakan dalam pelaporan tahunan ACIS. (Lampiran 5.1.2)

Bagi melancarkan kepakaran dan tenaga kerja yang berkualiti serta menyokong usaha UiTM menjadi Globally Renowed Universiti 2025. Pengurusan ACIS telah merangka tiga pengkhususan strategi bagi mencapai matlamat tersebut, iaitu matlamat startegik, tumpun startegik, dan teras startegik. Pengurusan ACIS melaksana perancangan tersebut kepada semua staf serta unit dibawah agar semua tenaga kerja berganding bahu serta bersedia berkhidmat untuk melengkapkan perkhidmatan yang cemerlang dalam organisasi. ACIS juga membuat program transformasi dan kepimpinan serta pembangunan kemahiran pengajaran di peringkat pensyarah bagi menyalurkan kepakaran masing-masing terutama kepada pelajar dan masyarakat melalui medan perkongsian yang efisien. Perancangan ini melibatkan disemua peringkat pengurusan bawahan hingga ke atasan juga untuk semua tenaga kerja baharu termasuk UiTM cawangan tanpa membezakan mereka adalah pensyarah atau tenaga kerja pentadbiran. Secara tidak langsung, tenaga kerja baharu dapat menyempurnakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih efektif, efisien dan bermaklumat. (Lampiran 5.1.3)

Jumlah kepakaran serta bilangan staf sangat penting bagi memastikan visi dan misi jabatan dapat dicapai mengikut kesesuaian bidang yang ada. Oleh itu bagi setiap program yang dijalankan akan dikeluarkan surat lantikan sebagai penghargaan dalam sumbangan kepakaran dan tenaga yang diberikan dalam menjayakan aktiviti yang berlangsung sebagai contoh sumbang terhadap komuniti atau kesukarelawanan dalam membangunkan modal insan setempat. Terdapat program yang berjaya memberi sumbang yang besar terhadap masyarakat mendapat pengiktirafan diperingkat universiti dan juga diperingkat global. (Lampiran 5.1.4)

Sejajar dengan menjayakan bidang tumpuan kepakaran ACIS, pihak pengurusan ACIS telah menyediakan kemudahan geran dalaman sebanyak RM5,000.00. Ini memberi bantuan kepada staf akademik dalam mengembangkan kepakaran dalam bidang masing-masing seperti Mualamat, Ekonomi Islam, Halal dan Pendidikan Islam serta bidang-bidang pengajian Islam yang lain. Bantuan ini secara diberikan kepada staf yang berminat untuk penyelidikan dan penulisan, ini secara tidak langsung akan memberi sumbangan kepada komuniti setempat. (Lampiran (Lampiran 5.1.5)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_S01\\_SB02\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran 5.1.1.pdf](#)
2. [F0052\\_S01\\_SB02\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran 5.1.2.pdf](#)
3. [F0052\\_S01\\_SB02\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran 5.1.3.pdf](#)
4. [F0052\\_S01\\_SB02\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran 5.1.4.pdf](#)
5. [F0052\\_S01\\_SB02\\_20225\\_ACIS\\_Lampiran 5.1.5.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

ACIS mempunyai Pengurusan Sumber Manusia (PSM) yang sentiasa memberikan perhatian kepada pemerksaan bakat berdasarkan kepakaran dan kemahiran staf. ACIS UiTM mempunyai sejumlah 94 staf akademik. Pelaksanaan memperkasakan ACIS telah disusun dengan memberi pelbagai inisiatif seperti geran dalaman, latihan kepakaran, penubuhan jawatankuasa dan sokongan dalam menjalankan aktiviti dan program. Dengan inisiatif tersebut, kepakaran staf dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat memperkukuhkan jalinan dua hala antara alumni, universiti, komuniti dan industri. **Lampiran 5.3.1(1)** menunjukkan inisiatif yang dijalankan oleh PSM dalam memperkasakan bakat.

Dengan adanya kepakaran dan kemahiran staf, secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada universiti, komuniti, jaringan industri dan alumni. Bagi memastikan hubungan ACIS UiTM dengan komuniti, alumni dan industri sentiasa terjalin, bahagian PJI dan HEP telah diberi tanggungjawab sebagai peneraju utama dalam menyelaras dan mengurus aktiviti dan program. PJI dipimpin oleh seorang Timbalan Dekan PJI, tiga orang koordinator (Penyelidikan & Penerbitan, ICAN, Alumni) dan HEP dipimpin oleh seorang Timbalan Dekan HEP dan dibantu oleh seorang koordinator (MASMED) dan tiga orang penyelaras. **Lampiran 5.3.2(2)**. Kesemua jawatankuasa ini merupakan staf yang berpengalaman luas dalam bidang kepakaran masing-masing. Bagi mencapai visi dan misi ACIS, Pelan perancangan strategik telah di susun dengan merangka pelbagai objektif termasuklah pembangunan Alumni, komuniti dan kesukarelawan. Senarai semak tanggungjawab dan skop tugas disediakan bagi memudahkan tenaga kerja memberi fokus kepada jenis perkhidmatan yang perlu dilaksanakan. Penetapan semakan sasaran kerja tahunan dan pemantauan petunjuk prestasi membantu agar tenaga kerja ACIS bergerak ke arah Kompetensi Teras ACIS yang selari dengan visi dan misi UiTM. **Lampiran 5.3.3(3)** dan **lampiran 5.3.4(4)** menunjukkan antara program komuniti dan kesukarelawan berimpak yang telah dijalankan oleh staf dan pelajar UiTM bersama dengan industri, alumni dan komuniti.

Atas inisiatif PJI dan HEP ACIS UiTM, beberapa projek kesukarelawan dan aktiviti komuniti dibentuk. Pihak PJI dan HEP membuka ruang dan peluang kepada mana-mana staf untuk bersama-sama menyumbang tenaga dan kewangan untuk menyertai projek kesukarelawan dan aktiviti bersama komuniti dengan tujuan mewujudkan keakraban, silaturahim dan ketelusan dalam bekerja. Rujuk **lampiran 5.3.5 (5)**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_S01\\_SB03\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran 5.3.1 \(1\).pdf](#)
2. [F0052\\_S01\\_SB03\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran 5.3.2 \(2\).pdf](#)
3. [F0052\\_S01\\_SB03\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran 5.3.3\(3\).pdf](#)
4. [F0052\\_S01\\_SB03\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran 5.3.4\(4\).pdf](#)
5. [F0052\\_S01\\_SB03\\_20225\\_ACIS\\_Lampiran 5.3.5 \(5\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

ACIS merancang secara sistematik untuk menentukan faktor utama yang memberi kesan terhadap kepuasan hati dan penglibatan sumber tenaga kerja. Antara penentu faktor utama yang memberi kesan kepuasan hati sumber tenaga kerja adalah melalui elemen penglibatan, kejayaan dan anugerah yang diperolehi serta melalui maklumbalas pelanggan. Petunjuk faktor penglibatan dan kepuasan hati tenaga kerja di ACIS pada setiap segmen adalah seperti pada Rajah 5.1.

ACIS amat mengambil berat berkaitan hal ehwal penumpuan tenaga kerja bagi menjayakan visi dan misi ACIS. ACIS amat yakin kejayaan sesebuah organisasi itu terletak kepada perkasanya sumber tenaga manusia yang mantap dari segi intelektual, fizikal dan juga spiritual. Faktor ini seterusnya memberi kesan dengan tindakan sumber daya manusia seperti gaya kepimpinan, merit dalam penilaian prestasi, kenaikan pangkat, khidmat cemerlang, tenaga kerja pentadbiran, contoh perhimpunan bulanan dan sistem penghargaan seperti ucapan terima kasih, tahniah dan takziah. Melalui kejayaan dan anugerah, hasil penglibatan dan kepuasan hati tenaga kerja terbukti melalui beberapa kejayaan dan yang diterima. Medium lain secara luaran bagi penentuan ini yang diadaptasikan dalam sistem adalah melalui maklumbalas contoh Borang Kepuasan Pelanggan, Peti Cadangan, Borang Aduan dan Maklumbalas Pelanggan. Maklumbalas yang diperolehi dianalisis dan dimuatkan dalam pelan tindakan dan laporan semakan organisasi ACIS melalui elemen tenaga kerja, sama ada pada segmen akademik, penasihat agama atau tenaga kerja pentadbiran.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20221\\_ACIS\\_Tumpuan Staf Lampiran 5.4.1.1 RAJAH 5.1.pdf](#)
2. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20222\\_ACIS\\_Tumpuan Staf Lampiran 5.4.1.2 Model 5P.pdf](#)
3. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20223\\_ACIS\\_Tumpuan Staf Lampiran 5.4.1.3 APC ACIS 2021.pdf](#)
4. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20224\\_ACIS\\_Tumpuan Staf Lampiran 5.4.1.4 JK Tatatertib Akademik STAF DAN PELAJAR.pdf](#)
5. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20225\\_ACIS\\_Tumpuan Staf Lampiran 5.4.1.5 Laporan Audit Dalam.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan strategi bagi menggalakkan kerugian dan menggunakan peluang yang ada dan berpotensi risiko juga bakal timbul. Strategi menuntut kepada pengurusan sumber manusia dengan baik supaya semua pertimbangan dan penilaian dapat menghapuskan semua risiko dan mengoptimumkan semua peluang.

Untuk itu, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja UiTM telah mengenal pasti **risiko sumber manusia** semasa sesi penilaian aktiviti dan telah merancang tindakan pencegahan bagi risiko berkenaan yang telah diletakkan di bawah Unit Kualiti. **Rujuk Carta Organisasi dalam lampiran 5.4.2.1.** Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan dan pembelajaran di ACIS UiTM Shah Alam. Selain itu, jawatankuasa ini telah membentangkan langkah pencegahan yang melibatkan kumpulan sasar iaitu staf dan pelajar UiTM. Tindakan pencegahan adalah dengan menghadiri kursus-kursus kesihatan dan rawatan kecemasan dan kerjasama dengan agensi berkuatkuasa tempatan (**Rujuk Lampiran 5.4.2.5**).

Bagi menguruskan risiko dalam **kebajikan pekerja**, wujudnya Jawatankuasa Kelab Pembangunan & Kebajikan Staf ACIS. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjadi satu badan yang mewakili kakitangan di ACIS. Kedua, menjaga kebajikan kakitangan ACIS, menggerakkan aktiviti riadah dalam kalangan kakitangan ACIS, mengeratkan ukhwah di antara kakitangan ACIS dan menyebarkan penerangan dan maklumat mengenai kegiatan dan perkara yang mampu melindungi kebajikan staf ACIS. **Dilampirkan bukti transaksi kewangan yang digunakan bagi melindungi kebajikan staf ACIS-Lampiran 5.4.2.2.**

Bagi **pengurusan kewangan, pengurusan ACIS telah mewujudkan Tabung Amanah** bagi memastikan sumber mencukupi melalui pemetraian perjanjian persefahaman/ persetujuan (MOA/ MOU) dengan pihak-pihak yang terlibat supaya lebih banyak dana dapat diberikan kepada Staf ACIS melalui geran dalaman dan tajaan yuran penulisan bagi menyertai conference bagi penulis utama tersebut dapat dilaksanakan dan komuniti mendapat faedah yang berterusan seperti di **ACIS-Lampiran 5.4.2.3.**

**Pengurusan risiko ketiga adalah kebajikan pelajar ACIS.** Bagi menguruskan risiko ini Jawatankuasa Kepimpinan Pelajar serta Penasihat akademik bagi setiap pelajar ACIS telah ditubuhkan seperti di **Lampiran 5.4.2.4.** Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjadi satu badan yang mewakili pelajar ACIS. Kedua, menjaga kebajikan pelajar ACIS, menggerakkan aktiviti bagi memacu kecemerlangan akademik serta membentuk soft skill dan peribadi yang membina dalam kalangan pelajar ACIS.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20221\\_ACIS-Lampiran 5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20222\\_ACIS-Lampiran 5.4.2.2..pdf](#)
3. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20223\\_ACIS-Lampiran 5.4.2.3.pdf](#)
4. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20224\\_ACIS\\_Lampiran 5.4.2.4.pdf](#)
5. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20225\\_ACIS\\_LAMPIRAN 5.4.2.5.pdf](#)



### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

#### ***Persekitaran kerja yang kondusif***

Persekitaran dan pembudayaan suasana kerja yang kondusif merupakan antara elemen yang dititikberatkan oleh pihak pengurusan. Walaupun pekeliling UiTM 2021 membenarkan pensyarah dan pelajar menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran daripada rumah, namun PSM berusaha memastikan semua staf bekerja dalam keadaan yang selesa dan kondusif samada di rumah mahupun di pejabat. ACIS telah menyediakan satu kumpulan telegram dan whatsapp untuk staf mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan atau menyalurkan maklumat. Selain itu, Sebagai langkah **penambahbaikan** kepada suasana yang kondusif di pejabat, pengurusan ACIS telah mengambil beberapa langkah pro-aktif antaranya meneliti dan memastikan keadaan ruang kerja staf terutamanya di bangunan cempaka 4 dan cempaka 5 dalam keadaan yang selesa dan mempunyai kemudahan yang mencukupi. Pihak ACIS juga sangat mengambil berat terhadap sebarang aduan yang diterima di dalam sistem e-aduan. Bagi mengatasi isu aduan, Pihak ACIS telah melantik staf bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang isu aduan yang wujud dengan segera.

#### ***Bertindak kepada maklumbalas sumber manusia***

Pengurusan ACIS terbuka dalam menerima sebarang aduan yang melibatkan pelanggan (staf akademik, pentadbiran, pelajar serta komuniti). Antara bentuk aduan yang telah diterima dan di ambil tindakan termasuklah isu staf, kekangan penyediaan infrastruktur dan kekurangan staf. Rujuk lampiran **5.4.3 (1)** ( Nasihat dan teguran secara lisan)

Beberapa Langkah telah di ambil bagi mengatasi situasi tersebut termasuklah teguran bertulis secara rasmi terhadap staf berkenaan sebelum dikenakan tindakan sewajarnya. Bagi aduan infrastruktur pula, pihak ACIS akan menganalisis, memproses dan memuatkannya dalam pelan tindakan. Mesyuarat dalaman fakulti MKSP dan MPD akan bertanggungjawab memutuskan Tindakan lanjutan bagi isu berkenaan. Seterusnya laporan akhir dilakukan setelah isu berkenaan telah selesai. Rujuk lampiran **5.4.3 (2)** ( struktur organisasi penilai ACIS)

Bagi isu kekurangan staf dalam pengajaran dan pembelajaran, pihak ACIS akan memohon perjawatan daripada Jabatan pengurusan sumber manusia, pejabat pendaftar UiTM. Permohonan ini akan dilakukan pada bulan Mac bagi tahun berkenaan. Justifikasi permohonan akan diberi berdasarkan nisbah pensyarah dan pelajar. Setelah permohonan berkenaan diluluskan, pihak pendaftar UiTM akan mengiklankan kekosongan jawatan di ACIS. Rujuk lampiran **5.4.3 (3)** ( Proses permohonan perjawatan)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20221\\_ACIS\\_Lampiran 5.4.3 \(1\).pdf](#)
2. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20222\\_ACIS\\_Lampiran 5.4.3 \(2\).pdf](#)
3. [F0052\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20223\\_ACIS\\_Lampiran 5.4.3 \(3\).pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan ACIS telah mengambil langkah pro-aktif bagi memastikan terdapat **penambahbaikan kepada suasana kerja yang selesa dan kondusif**. Ini dapat dilihat daripada inisiatif mendapatkan maklum balas daripada pelajar dan staf fakulti dan organisasi luar bagi menambahbaik perkhidmatan berdasarkan maklumat yang diterima.

### 5.5.1 Staf ACIS

Bagi memastikan penambahbaikan dan kemajuan **staf ACIS** secara berterusan, pihak Pengurusan ACIS sentiasa mewujudkan penggunaan ruang yang optimum serta persekitaran tempat kerja yang lebih bersih, kemas dan selamat melalui gotong royong, pembinaan bangunan baru bagi gantikan bangunan yang telah uzur. Kedua, tambah baik **pembangunan staf** melalui siri latihan pensyarah, Global Learning Session (GLS), webinar kaedah ODL. Hasilnya, staf ACIS, mencapai kepelbagaian & fleksibiliti dalam penyampaian dalam kemahiran ODL dan dapat berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan pensyarah luar dan dalam negara. Ketiga, menggerakkan operasi penyelidikan yang komprehensif dan berimpak tinggi bagi staf, pengurusan ACIS telah meningkatkan bilangan permohonan geran penyelidikan melalui pembukaan geran dalaman ACIS, Webinar penulisan berimpak tinggi. Keempat, bagi menghargai segala sumbangan dan pengorbanan serta **galakan kepada staf kearah kecemerlangan** ACIS melalui Poster penghargaan, Majlis Seluruh Kasih serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlangan turut diadakan bagi menghargai khidmat setia dan menjaga kebajikan dari kalangan staf ACIS yang terlibat seperti kemasukan ke hospital, kelahiran anak dan perkahwinan dan warga ACIS yang terkesan banjir. **Lampiran 5.5.1**

### 5.5.2 Pelajar ACIS

Kemudian, bagi mempertingkatkan prestasi dan pencapaian akademik pelajar, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Yayasan Rizalman Ibrahim telah menyerahkan sumbangan Komputer Riba kepada 36 pelajar daripada di Dewan Sri Impian, Hotel UiTM pada 8 April 2021 bagi tambah baik kebajikan pelajar yang masih tidak memiliki komputer riba sepanjang tempoh pembelajaran atas talian (ODL). Program mobiliti pelajar juga turut diwujudkan bersama universiti antarabangsa termasuk Basilan State College, Universitas Islam Nadhlatul Ulama Jepara (UNISNU) dan Universitas Wiralodra telah diadakan bagi merangka aktiviti dan program masa hadapan secara bersama. Antaranya, International Islamic Youth Camp dan Summer Program yang meliputi bidang makanan halal, logistik halal, muamalat, astronomi Islam dan tamadun Islam. Selain itu, kuliah massa ini diperkasa dengan bimbingan berterusan oleh para pensyarah secara lebih dekat dengan setiap pelajar, menjadikan pembelajaran berterusan berlaku dengan bimbingan dalam kumpulan kecil yang efektif. Pengurusan ACIS juga turut membantu pelajar yang terkesan banjir bagi tujuan mengukuhkan hubungan kekeluargaan ACIS. **Lampiran 5.5.2**

### 5.5.3 Sumbangan ACIS kepada Komuniti

Didalam komuniti, Staf ACIS telah **menyumbangkan ilmu pengetahuan dan kepakaran** bersama dengan komuniti melalui program “tazkirah” , membentang kertas kerja di peringkat antarabangsa, inovasi yang menyumbang kepada memperkukuhkan jalinan dua hala antara universiti, komuniti dan industri. Hasil daripada perkongsian kepakaran dan kemahiran ini, ACIS berjaya menyumbangkan tenaga kerja melalui sumbangan berterusan bersama rakan strategik yang terjalin hasil daripada aktiviti tersebut. Jalinan hubungan rakan strategik dan usahasama universiti bersama pihak industri akan dapat meluaskan bidang perkongsian kepakaran dan kemahiran ini dengan aktiviti yang lebih melibatkan kemasyarakatan dan kesukarelawan ini. **Lampiran 5.5.3, Lampiran 5.5.4 dan Lampiran 5.5.5**

## SENARAI BUKTI :

1. [F0052\\_S01\\_SB05\\_20221\\_ACIS\\_LAMPIRAN 5.5.1.pdf](#)

2. [F0052\\_S01\\_SB05\\_20222\\_ACIS\\_LAMPIRAN 5.5.2.pdf](#)
3. [F0052\\_S01\\_SB05\\_20223\\_ACIS\\_LAMPIRAN 5.5.3.pdf](#)
4. [F0052\\_S01\\_SB05\\_20224\\_ACIS\\_LAMPIRAN 5.5.4.pdf](#)
5. [F0052\\_S01\\_SB05\\_20225\\_ACIS\\_LAMPIRAN 5.4.2.5.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Seiring dengan halatuju Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke arah universiti yang berketerampilan dan mesra masyarakat, ACIS komited dalam melebarkan khidmat kepada komuniti dan masyarakat dari segi aktiviti-aktiviti kesukarelawan. Bagi memantapkan lagi perhubungan antara universiti dan industri serta memupuk semangat kesukarelawan beberapa inisiatif telah diambil antaranya adalah seperti menjalin kerjasama dalam menandatangani beberapa perjanjian persefahaman bersama (MoU) antara universiti dan industri dan menjalankan pelbagai aktiviti kesukarelawan secara berkala bagi memastikan agar bidang tumpuan (BT) dapat dilaksanakan dengan sempurna sekaligus mencapai PI yang telah ditetapkan (Lampiran 6.2.4). Dalam memenuhi tuntutan ini, ICAN ACIS bekerja keras menggerakkan aktiviti-aktiviti program ini berjaya.

Secara dasarnya, beberapa proses operasi perlu dipenuhi bagi memastikan kelangsungan program-program ini dapat dijalankan dengan baik bagi memenuhi KPI ICAN dan PSTU, ACIS. Ia bermula dengan perancangan program dengan penyediaan kertas kerja oleh ketua projek, pembentangan kertas kerja, semakan kriteria, pelaksanaan program, pemantauan status pelaksanaan program, pelaporan program dan penambahbaikan yang berterusan melalui pengurusan risiko dan kajian semula operasinya.

Dari segi perancangan untuk alumni, komuniti dan kesukarelawan operasi dan gerak kerja adalah berpandukan 11 performance indikator BTU yang meliputi 5 bidang utama, MOU/MOA, tanggungjawab sosial Universiti, knowledge transfer program dan Alumni. Indek prestasi utama dan matlamat strategik terhadap kolaborasi industri dibangunkan, dipantau dan dinilai.

Antara petunjuk prestasi adalah seperti:

- a) Bilangan MOU/MOA (domestik dan antarabangsa)
- b) Peratus kebolehpasaran graduan
- c) Bilangan aktiviti bersama komuniti
- d) Penglibatan staf (aktiviti kesukarelawan).

Antara program yang dilaksanakan adalah agihan iftar, International Islamic Talent (i-Talent), Perjumpaan Bersama Pelajar, Training of Trainer (TOT) MyUsrati, Siri Perkongsian Ilmu ACIS: Lockdown dan Kemanusiaan, Misi Bantuan Banjir dan Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Riba.

Untuk tujuan pemantauan, prosedur tertentu telah di rangka. Sebagai contoh ICAN ACIS telah melantik koordinator, ahli jawatankuasa dan juga person-in-charge untuk menguruskan setiap elemen yang di tetapkan. Begitu juga prosedur pemantauan MoU/MoA yang mewajibkan draf disemak oleh pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang UiTM seterusnya dibawa kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bagi MoA untuk tujuan kelulusan. Di samping itu segala maklumat berkenaan alumni diperolehi melalui Persatuan Alumni ACIS (PRACIS) yang mempunyai struktur organisasi yang kemas beserta misi dan perancangan demi kecemerlangan graduan dan alumni. PRACIS juga mengambil inisiatif mengumpul data berkenaan bilangan alumni yang telah bekerja sama ada dalam industri mahupun yang terlibat dengan keusahawanan. (Lampiran 6.2.5)

Untuk mengelakkan risiko objektif dan sasaran ACIS tidak tercapai, laporan kepada bahagian BTU ACIS pada setiap bulan juga perlu dihantar sebagai langkah pemantauan dan juga untuk meningkatkan prestasi jabatan ICAN ACIS. Selain daripada itu pemantauan dibuat melalui beberapa lapisan audit seperti InQKA dan audit dalaman ACIS sendiri.

Penambahbaikan melalui pelaporan dibuat setiap bulan di dalam mesyuarat Pengurusan

Dalam hal ini, di mana setiap unit strategis akan membenarkan pencapaian serta pelaporan untuk memastikan keseluruhan unit PTJ dan staf beroperasi secara bersama, juga mengenalpasti KPI yang masih belum dicapai dan menumpukan kepada kolaborasi bersama di dalam memenuhi pencapaian

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Operasi komuniti, kesukarelawan dan alumni ACIS diselaraskan oleh bahagian Industry, Community and Alumni Network (ICAN) ACIS. ICAN ACIS secara proaktif menggariskan pendekatan tertentu seperti proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan sesuatu program/projek, seperti carta alir dilampirkan (Lampiran 6.2.1)

Terdapat pendekatan yang dilakukan berkaitan operasi komuniti, kesukarelawan dan alumni ACIS yang melibatkan beberapa aktiviti. Antara program yang dijalankan adalah Task Force Pasca Banjir, sumbangan komputer riba bersama Yayasan Rizalman Ibrahim (YRI), Jom Korban bersama ACIS 2021M/1443H, Siri-siri Webinar yang terbuka kepada komuniti seperti "Simpan, melabur atau belanja" dan "Pengurusan Kewangan Anak Muda" dan lain-lain, sesi pengisian rohani seperti perkongsian ilmu mingguan, penulisan dalam akhbar, e-tadarus, tilawah tadabbur al-Quran dan sebagainya. Operasi Alumni ACIS diselaraskan oleh Persatuan Alumni ACIS (PRACIS) yang bertujuan untuk memperkasa kecemerlangan alumni dan graduan serta mengukuhkan kerjasama antara industri dan fakulti bagi meningkatkan peluang kerjaya alumni dan graduan.

Operasi ICAN ACIS meliputi pelbagai pihak yang terlibat yang akan memberi manfaat terutamanya kepada pelajar dan masyarakat luar. Ia dapat dilaksanakan melalui pemindahan ilmu dan khidmat sosial untuk kemaslahatan komuniti, meningkatkan keupayaan komunikasi dan penyelesaian masalah bersama. Selain itu membuat penjana dana di kalangan staf, pelajar, alumni dan orang awam serta memberikan sumbangan dana tersebut kepada komuniti yang memerlukan di bawah program-program tanggungjawab sosial fakulti melalui Jawatankuasa Kebajikan Staf, Persatuan Pelajar serta kolaborasi dengan pihak NGO. Golongan masyarakat awam turut mendapat manfaat dengan penganjuran program dakwah dan pendidikan hasil kerjasama ACIS dengan industri berkaitan.

Sejajar dengan objektif pelan strategik UiTM dalam memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri, ACIS mensasarkan kebolehpasaran melebihi 95% (Diploma), 80% (Sarjana Muda) dan 5% (bekerja sendiri), di samping melahirkan pelajar mempunyai nilai murni, kepimpinan dan memenuhi kehendak pasaran serta mempunyai pendedahan kepada silang budaya sehingga menghasilkan ALUMNI yang hebat.

Program-program yang dijalankan oleh Persatuan Alumni ACIS dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang peluang-peluang pekerjaan yang boleh diceburi berdasarkan perkongsian ilmu dan pengalaman mereka. Antara program yang dilaksanakan ialah Sembang Santai Alumni, PRACIS ICON dan ALUMNI Power Sharing.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20221\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.2.1 CARTA ALIR PROSEDUR UTAMA OPERASI PENGURUSAN PROGRAM.pdf](#)
2. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20222\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.2.2 CARTA ORGANISASI ACIS.pdf](#)
3. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20223\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.2.3 CARTA ORGANISASI PRACIS.pdf](#)
4. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20224\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.2.4 PI ICAN.pdf](#)
5. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20225\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.2.5 KEBOLEHPASARAN ALUMNI.pdf](#)
6. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20221\\_LAMPIRAN 6.1.1 CARTA ALIR PROSEDUR UTAMA OPERASI PENGURUSAN PROGRAM.pdf](#)
7. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20222\\_LAMPIRAN 6.1.2 CARTA ORGANISASI ACIS.pdf](#)
8. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20223\\_LAMPIRAN 6.1.3 CARTA ORGANISASI PRACIS.pdf](#)
9. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20224\\_LAMPIRAN 6.1.4 PI ICAN.pdf](#)

10. [F0052\\_O01\\_OB02\\_20225\\_LAMPIRAN 6.1.5 KEBOLEHPASARAN ALUMNI.pdf](#)

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pihak ICAN ACIS telah menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2021 sama ada dikendalikan oleh unit, fakulti atau bahagian. Ini bagi memastikan aktiviti khidmat kesukarelawan, komuniti dan alumni yang ditetapkan dapat dicapai oleh ICAN dan Fakulti. Proses pemantapan yang sistematik dilaksanakan dengan penganjuran program kesukarelawan dan komuniti bagi memastikan inisiatif yang disediakan bertujuan meningkatkan penglibatan staf dan memastikan kesukarelawan dan khidmat komuniti yang ditetapkan oleh ICAN ACIS. Atas inisiatif pihak ICAN mahupun fakulti, proses pelaksanaan diperkukuhkan lagi dengan menjemput pihak luar untuk merasmikan program komuniti dan khidmat masyarakat selain menjemput pihak wartawan untuk membuat liputan program kemasyarakatan.

ACIS turut menggembelng usaha untuk memastikan penglibatan berterusan pihak industri. ACIS telah berjaya berkerjasama dengan beberapa organisasi luar termasuklah Universiti luar dan industri yang terlibat dengan halal, badan agama dan lain-lain melalui pemeteraian MOU/MOA dapat membantu ACIS ke arah kecemerlangan dan penambahbaikan program akademik yang ditawarkan. Antaranya MOU/MOA bersama Malaysia Young Shariah Scholars Association (MySSA), Halal Korea Co LTD, Hijrah Wealth management Sdn Bhd dan lain-lain.

Perluasan program yang dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan daripada institusi pengajian, industri dan agensi di dalam dan luar negara seperti program i-Talent, ICIS, Misi Empati, Moreh@Campus, Agihan Juadah Berbuka Puasa dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan disebarluaskan juga kepada masyarakat melalui media-media seperti Acis@Radio Nasionalfm, media rasmi ACIS seperti facebook ACIS dan Youtube ACIS. Melalui siri-siri webinar yang terbuka kepada orang awam, perkongsian ilmu dan sumbangan kepakaran dapat disebarluaskan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20221\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.3.1 MOU MOA.pdf](#)
2. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20222\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.3.2 MEDIA ACIS.pdf](#)
3. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20223\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.3.3 PROGRAM ACIS.pdf](#)
4. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20224\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.3.4 PROGRAM ALUMNI PRACIS.pdf](#)
5. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20225\\_ACIS\\_LAMPIRAN OPERASI 6.3.5 KESUKARELAWAN.pdf](#)
6. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20221\\_LAMPIRAN 6.2.1 MOU MOA.pdf](#)
7. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20222\\_LAMPIRAN 6.2.2 MEDIA ACIS.pdf](#)
8. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20223\\_LAMPIRAN 6.2.3 PROGRAM ALUMNI PRACIS.pdf](#)
9. [F0052\\_O01\\_OB03\\_20224\\_LAMPIRAN 6.2.4 PROGRAM ACIS.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

ACIS UiTM telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program untuk memastikan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan dimantapkan lagi seiring dengan Plan Strategik UiTM 2025 yang menjadi pemacu kepada ACIS untuk bergerak ke depan.

Antara program yang dilaksanakan adalah agihan iftar, International Islamic Talent (i-Talent), Perjumpaan Bersama Pelajar, Training of Trainer (TOT) MyUsrati, Siri Perkongsian Ilmu ACIS: Lockdown dan Kemanusiaan, Misi Bantuan Banjir dan Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Riba. Kebanyakan program diadakan secara atas talian. Keterbatasan pergerakan yang disebabkan oleh pandemik yang sedang dihadapi oleh negara dan dunia bukanlah menjadi penghalang.

Program-program ini dilaksanakan bertujuan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

- Kekacnaan ACIS terhadap kebajikan masyarakat sekeliling.
- Mewujudkan perkongsian ilmu dan kepakaran secara menyeluruh.
- Membantu memberikan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pelajar.
- Menyediakan platform untuk warga UiTM dan orang luar mengasah bakat dan berkongsi manfaat.

Antara strategi yang dilaksanakan termasuklah dengan mengadakan kolaborasi bersama dengan jawatankuasa surau, Lembaga Kebajikan Perempuan Selangor dan Yayasan Rizalman Ibrahim sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan.

Aktiviti kebajikan seperti ini juga turut disertai oleh alumni ACIS melalui Persatuan Alumni Akademi Pengajian Islam Kontemporari (PRACIS). Sebagai contoh melalui penganjuran PRACIS Prihatin, Sahur@Kampus, Moreh@Kampus dan kelas Bahasa Mandarin secara percuma.

Bagi menjamin keberhasilan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, ACIS telah membuat Perancangan Strategik bagi tempoh 5 tahun Perancangan Strategik UiTM 2025. ICAN dan fakulti berganding bahu menjayakan kesemua program yang telah dirancang. Pelaporan setiap aktiviti yang telah dijalankan akan dinilai bagi memastikan semua pihak yang terlibat mendapat hasil positif daripada projek yang dilaksanakan dan dapat meningkatkan hubungan baik antara ACIS dan komuniti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0052\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20221\\_ACIS\\_PEMANTAUAN\\_1.pdf](#)
2. [F0052\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20222\\_ACIS\\_PEMANTAUAN\\_2\\_AKTIVITI PERSATUAN ALUMNI ACIS.pdf](#)

## **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Antara pengurusan risiko dalam operasi berkaitan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan adalah dengan mengambil perhatian terhadap hasil audit luaran yang berkaitan dengan latihan. Latihan yang difokuskan terutamanya menghubungkan bidang kepakaran pensyarah untuk menyumbang kepada pelbagai pihak termasuk industri.

Bagi meminimumkan risiko pengurusan operasi, ACIS telah melantik seorang pengelola yang bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah pencegahan dapat diambil dan dilaksanakan dengan berkesan.

Bagi alumni yang telah membawa hala tuju masing-masing, cabaran dalam mengekalkan hubungan berterusan bersama alumni dapat diatasi dengan mewujudkan platform media sosial seperti kumpulan Telegram dan Facebook.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20221\\_ACIS\\_RISIKO\\_1.pdf](#)
2. [F0052\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20222\\_ACIS\\_RISIKO\\_2.pdf](#)
3. [F0052\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20223\\_ACIS\\_RISIKO\\_3\\_Penyelaras Unit 2021.pdf](#)
4. [F0052\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20223\\_ACIS\\_RISIKO\\_3 PELAPORAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI BAGI ACIS 2021.pdf](#)

### **6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Dalam memastikan kelancaran operasi fakulti secara keseluruhan, sasaran petunjuk prestasi tahunan dirangka, disemak dan diusahakan secara berterusan bagi memastikan pencapaian setiap staf berada di tahap yang memuaskan. Bagi tahun 2021, petunjuk prestasi yang dirangka berkaitan komuniti dan sukarelawan telah dapat dicapai sepenuhnya.

Bagi menambah baik program yang telah dijalankan, maklum balas peserta dianalisa untuk mengenal pasti sebarang kelemahan sama ada dari aspek perjalanan program mahupun dari aspek pengurusan pihak jawatankuasa. Sebagai contoh, peserta program i-Talent menyarankan agar pihak pengajar ACIS merangka syarat-syarat pertandingan yang lebih terperinci, dengan mengikut kesesuaian semasa. Berdasarkan maklumbalas tersebut, tindakan penambahbaikan dapat dibuat bagi program-program yang akan datang.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20221\\_ACIS\\_PENAMBAHBAIKAN\\_1 PELAPORAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI BAGI ACIS 2021.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Seiring dengan nilai yang diketengahkan oleh UiTM melalui kolaborasi yang memanfaatkan industri dan masyarakat, beberapa majlis memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) telah diadakan beberapa kali diperingkat tempatan dan antarabangsa. Antaranya:

1. Khadijah International Waqf (L) Foundation
2. Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad
3. Hijrah Wealth Management Sdn Bhd
4. GAE Resources Sdn Bhd
5. Australia Federation of Islamic Councils
6. Universitas Nahdlatul Ulama Jepara (UNISNU)
7. Universitas Islam Indonesia
8. Halal Korea Co Ltd
9. NAMA Foundation
10. Yayasan Budi Ihsan Malaysia
11. Malaysia Young Shariah Scholars Association
12. HM Online Sdn Bhd

Dari aspek hubungan bersama alumni, ACIS turut mengambil langkah memperkukuhkan hubungan dengan cara perkongsian pengalaman alumni dalam Expo Selangkah ke UiTM (ESKU 2021) bersama pelajar lepasan SPM.

Webinar dan penulisan artikel dalam akhbar juga menjadi salah satu platform untuk ACIS membudayakan perkongsian ilmu bukan hanya dalam kalangan warga UiTM malah menjangkau segenap lapisan masyarakat dalam komuniti. Sebagai contoh Siri Webinar ACIS: Perbankan Islam di Malaysia, Industrial Webinar Talk Siri 1: Mengharungi Cabaran Dunia Keusahawanan Muslim dan International Conference on Contemporary Islamic Studies.

Selain itu, ACIS turut mengembangkan tali silaturrahim bersama komuniti di peringkat global dengan mengadakan program korban yang melibatkan negara-negara seperti Afrika, Palestin, Yaman, Syria dan Kemboja. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM), Syria Care Malaysia, Barakah Global Enterprise (BGE), Yayasan Al-Rahmah Kemboja.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0052\\_O01\\_OB05\\_20221\\_ACIS\\_INTEGRASI.pdf](#)
2. [F0052\\_O01\\_OB05\\_20222\\_ACIS\\_INTEGRASI\\_2\\_Surat\\_Kerjasama\\_Korban\\_Syria\\_Care.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil utama 3 melaporkan PERANCANGAN STRATEGIK AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS) dalam melaksanakan program sukarelawan bagi mencapai 2 objektif hasil iaitu 1) Menjaga dan memelihara kebajikan serta prihatin dan 2) Menyuburkan nilai sukarelawan dan khidmat sosial serta tranformasi ilmu

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA merupakan satu pusat akademi yang berteraskan pengajian Islam membawa misi dan visi menjadi satu akademi yang menyokong hala tuju UiTM ke arah *Global Renown University* di dalam rangka Pelan Strategik UiTM 2025. Selain memberi tumpuan kepada bidang utama dan teras pemantapan akademik dalam pengajaran dan pembelajaran, ACIS menggerakkan para kakitangan, pelajar dan alumni untuk menyalurkan kepakaran dan tenaga dalam bentuk sukarelawan kepada masyarakat ini tidak layan untuk memenuhi salah satu dari visi UiTM iaitu pada bahagian kemanusiaan. Bahagian ini melaporkan hasil keberkesanan perancangan strategik ACIS dalam melaksanakan program sukarelawan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Objektif yang telah dibina berdasarkan dokumen Pelan Strategik UiTM 2020-2025.

Pencapaian objektif perancangan strategik bagi sukarelawan terdiri daripada 2 hasil keberkesanan yang terdiri daripada, 1) Menjaga dan memelihara kebajikan serta prihatin, 2) Menyuburkan nilai sukarelawan dan khidmat sosial serta tranformasi ilmu. Setiap objektif yang dipaparkan akan melalui 4 analisa pemantauan iaitu Tahap (*Level*), Tren (*Trend*), Perbandingan (*Comparison*) dan Kepentingan (*Importance*) bagi melihat tahap pencapaian, perbandingan dan kepentingan objektif bagi memenuhi bidang yang dibahaskan iaitu sukarelawan. Secara keseluruhannya, warga ACIS begitu komited dalam melaksanakan program berbentuk sukarelawan dan khidmat sosial sepanjang tempoh 2021 dan berlaku peningkatan dari 2020. Hasil kedua-dua objektif ini menunjukkan tren peningkatan yang positif dalam tempoh dua tahun iaitu dari 2020 sehingga 2021. Pelaksanaan program bagi memenuhi objektif pertama iaitu menjaga dan memelihara kebajikan serta prihatin bagi program pemberian komputer riba kepada pelajar yang memerlukan telah dilaksanakan pada tahun 2021. Walaubagaimanapun, inisiatif mencari dan mengenalpasti penyumbang telah bermula pada penghujung 2020. Hasilnya, seramai 39 orang pelajar telah mendapat manfaat memiliki komputer riba untuk tujuan pembelajaran. Komputer riba ini telah disumbangkan oleh dua badan iaitu Yayasan RI dan Lembaga Kebajikan Perempuan Selangor. Bagi **Yayasan RI, mereka telah menyerahkan 36 buah komputer riba dengan setiap satu berharga RM4000. Manakala Lembaga Kebajikan Perempuan Selangor telah menyumbangkan 3 buah komputer riba dengan setiap satu berharga RM2000.** Bagi objektif kedua menyuburkan nilai sukarelawan dan khidmat sosial serta transformasi ilmu memperlihatkan tren peningkatan yang membanggakan, apabila ACIS berjaya meningkatkan empat Petunjuk Prestasi/Performance Indicator (PI) pada tahun 2021 berbanding 2020 iaitu 1) number of student's activities related to community-based service learning, 2) University Social Responsibility (USR), 3) Communities receiving/benefiting from the knowledge/ technology diffusion projects, 4) Staff registered with voluntary organisation. Walaubagaimanapun, bagi PI Knowledge Transfer Programme (KTP), memperlihatkan penurunan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Selain itu, terdapat satu PI yang mula diadakan pada tahun 2021 dan pencapaiannya begitu membanggakan iaitu apabila pencapaiannya melebihi daripada sasaran iaitu pada petunjuk prestasi (PI) sasaran dan pencapaian pelajar yang terlibat dalam program berbentuk sukarelawan. Beberapa program telah dijalankan bagi memenuhi objektif kedua ini iaitu **1) Klinik al-Fatihah – 2) ACIS & JAPAN MEET UP – 3) Jom Qurban – 4) Program ajihan iftar kepada Pelajar Kolej - 5) Misi banjir.**

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0052\\_HB02\\_20221\\_IAKNC\\_JARINGAN ALUMNI\\_TAHAP.pdf](#)

### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0052\\_HB03\\_20222\\_IAKNC\\_JARINGAN ALUMNI\\_TREN.pdf](#)

### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0052\\_HB04\\_20223\\_IAKNC\\_JARINGAN ALUMNI\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0052\\_HB05\\_20224\\_IAKNC\\_JARINGAN ALUMNI\\_KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil Utama 1 melaporkan pencapaian ACIS dalam pemeraksanaan alumni bagi mencapai objektif: 1) Membantu alumni dalam penglibatan bersama fakulti ACIS, para pelajar dan para graduan, 2) Merancang, menguruskan dan menyelaraskan data dan aktiviti alumni ACIS serta urusan Graduate Employability (GE) peringkat ACIS, 3) Merancang, menyelia dan meningkatkan Endowment Alumni ACIS.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA merupakan satu pusat akademi yang berteraskan pengajian Islam membawa misi untuk dan visi menjadi satu akademi yang menyokong hala tuju UiTM ke arah *Global Renown University* di dalam rangka Pelan Strategik UiTM 2025. Selain memberi tumpuan kepada bidang utama dan teras pemantapan akademik dalam pengajaran dan pembelajaran, ACIS menggerakkan jaringan akademia secara agresif dan padu dengan pihak alumni dengan hasrat memantapkan para alumni ACIS. Melihat kepada tahap pencapaian hasil ACIS dalam jaringan alumni, ACIS telah berusaha dalam meningkatkan ketampakan alumni ACIS melalui penglibatan alumni ACIS bersama fakulti, para pelajar dan para graduan ACIS yang diukur melalui PI089 iaitu bilangan program khidmat kepakaran alumni. ACIS telah berjaya mencapai sasaran 100% dengan pelaksanaan tiga program pada tahun tersebut. Selain itu, kebolehpasaran pekerjaan para alumni ACIS setelah tamat pengajian di UiTM juga dilihat memberangsangkan. Pada tahun 2021, ACIS telah mencapai 94% dengan 80 alumni yang bekerja setelah tamat pengajian. Para alumni yang berjaya mendapatkan pekerjaan seperti Eksekutif Halal dan Eksekutif Syariah di dalam sektor awam dan juga sektor swasta adalah dilihat bersesuaian dengan kelayakan mereka. Terdapat banyak program yang telah dianjurkan oleh alumni ACIS berkaitan kebolehpasaran seperti Alumni Power Sharing dan juga Pimpin ke Industri. Tahun 2021 melihat pencapaian yang memberangsangkan bagi ACIS iaitu daripada sasaran sebanyak 17 orang alumni berjaya menjadi usahawan, terdapat 33 orang alumni yang telah berjaya di mana ia melebihi hampir dua kali ganda daripada jumlah yang disasarkan. Bagi bahagian tren pula, pada tahun 2020 didapati tiada program yang melibatkan alumni telah dianjurkan akibat daripada wabak pandemik Covid-19 yang mula melanda pada waktu tersebut. Namun, pada tahun 2021 ACIS telah berjaya menganjurkan tiga program khidmat alumni, lantas menunjukkan tren positif. Bagi kebolehpasaran (GE) alumni ACIS pula, pada tahun 2019 ACIS merekodkan sebanyak 85% graduan yang mencapai status GE. Namun, tren GE pada 2020 dilihat menurun dengan hanya 83.8% graduan mencapai status GE. Pada tahun 2021, ACIS dilihat mempunyai peningkatan dalam bilangan GE peratusannya melonjak ke 85.3%, sekaligus menunjukkan tren positif. Bagi tren bilangan alumni yang menjadi usahawan pula, aspek ini dilihat menunjukkan tren positif, di mana ACIS berjaya mencapai sasaran 100% pada tahun 2020 dan 2021. Pada tahun 2020, seramai 15 orang alumni yang telah berjaya menjadi usahawan, manakala tahun 2021 bilangan tersebut meningkat hampir sekali ganda iaitu seramai 33 orang. Bagi bahagian perbandingan pula, ACIS membandingkan bilangan kebolehpasaran graduan dengan fakulti Akademi Pengajian Bahasa (APB) dengan justifikasi 'nature' kedua-dua fakulti adalah 'servicing'. ACIS telah mencatatkan rekod kebolehpasaran graduan yang baik dengan rekod sebanyak 85% alumni yang telah bekerja dan melanjutkan pengajian pada 2019. Melihat kepada perbezaan APB dan ACIS, kebolehpasaran alumni ACIS dilihat adalah lebih tinggi berbanding APB. Melalui program yang telah dijalankan bersama alumni dan juga para pelajar seperti program Alumni Power Sharing dan Pimpin ke Industri yang dijalankan di ACIS, pengalaman yang dikongsi oleh alumni dengan pelajar sama ada dalam soal pengurusan masa dan kewangan, pembentukan sahsiah diri dan watak mahupun bidang kerjaya dapat diterima dengan lebih baik sebagai panduan dan dijadikan inspirasi oleh pelajar.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0052\\_HB02\\_20221\\_IAKNC\\_KOMUNITI\\_TAHAP.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0052\\_HB03\\_20222\\_IAKNC\\_KOMUNITI\\_TREN.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0052\\_HB04\\_20223\\_IAKNC\\_KOMUNITI\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0052\\_HB05\\_20224\\_IAKNC\\_KOMUNITI\\_KEPENTINGAN.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama 2 melaporkan pencapaian ACIS dalam aspek komuniti bagi mencapai objektif: 1) Membina jaringan dan aktiviti bersama komuniti luar, 2) Merancang, menyelaraskan serta mempromosi kepakaran tenaga staf ACIS melalui konsultasi dan penglibatan luar, dan 3) Merancang serta mengusahakan secara proaktif program dengan penglibatan bersama komuniti, industri termasuk menjana pendapatan.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA bersama menyokong hala tuju UiTM ke arah *Global Renowned University* di dalam rangka Pelan Strategik UiTM 2025. Menerusi jaringan industri dan komuniti di bawah TD PJI, ACIS bergerak secara proaktif dalam mengekalkan ketampakan ACIS dan UiTM dengan pelaksanaan pelbagai program komuniti sama ada secara persendirian atau bekerjasama dengan rakan industri. Ini terbukti dengan peningkatan yang konsisten dalam penganjuran program di peringkat tempatan dan antarabangsa sejajar dengan petunjuk prestasi dari bidang kolaborasi dengan industri dan komuniti. Pelaksanaan program kerjasama memberi peluang dan pengalaman industri bukan sahaja kepada staf malahan para mahasiswa ACIS. Justeru, ACIS merekodkan sebanyak 20 MOU/MOA bersama industri/komuniti antarabangsa dan tempatan. Usaha mempromosi tenaga staf ACIS bagi memberi konsultasi dan penglibatan luar berjaya mencapai sebanyak 47 pencapaian. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah menerusi program *University Social Responsibility* (USR) dan *Knowledge Transfer Program* (KTP), serta keahlian profesional di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. ACIS juga secara agresif berusaha menjana pendapatan sebanyak RM 205,097 melalui pelbagai sumber antaranya tawaran geran industri, penganjuran konferensi antarabangsa dan kursus profesional halal. Selain itu, 9 pihak berkepentingan telah menerima manfaat menerusi program USR dan KTP.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0052\\_HB02\\_20221\\_IKNC\\_SUKARELAWANAN\\_TAHAP.pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0052\\_HB03\\_20222\\_IKNC\\_SUKARELAWANAN\\_TREN.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0052\\_HB04\\_20223\\_IKNC\\_SUKARELAWANAN\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0052\\_HB05\\_20224\\_IKNC\\_SUKARELAWANAN\\_KEPENTINGAN.pdf](#)